

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 13hb. Mei, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

SYARIKAT INSURANS TEMPATAN DAN ASING - BILANGAN

1. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) bilangan syarikat insurans tempatan dan asing yang beroperasi di Malaysia dan jumlah rakyat Malaysia yang mencarum dalam insurans nyawa dan jumlah caruman yang dibuat; dan
- (b) jumlah pencarum yang mencarum dalam Syarikat Takaful Malaysia, nilai caruman yang dibuat dalam insurans nyawa dan adakah kerajaan berpuas hati dengan prestasi Syarikat Takaful Malaysia dan adakah kerajaan berhasrat untuk menggalakkan syarikat insurans konvensional untuk memperkenalkan sistem insurans nyawa berdasarkan konsep Islam selain daripada yang ditawarkan oleh Syarikat Takaful Malaysia.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Terdapat 62 syarikat insurans yang beroperasi di Malaysia pada 31 Disember 1995, di mana 51 daripadanya ditubuhkan di

Malaysia dan 11 buah lagi ditubuhkan di luar negeri. Bilangan polisi insurans nyawa yang berkuatkuasa sehingga akhir tahun 1995 telah mencapai 4.9 juta unit iaitu berbanding pada tahun 1994 hanya 4.3 juta unit, iaitu peningkatan sebanyak 13.8% berbanding dengan 15.9% pada tahun 1994. Jumlah ini hanya mewakili 24.5% daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Pada tahun 1994 ia hanya 22% sahaja ataupun 60.8% daripada jumlah tenaga kerja berbanding tahun 1994 hanya 55.2%. Jumlah premium tahunan yang berkuatkuasa pula mencatatkan peningkatan sebanyak 22.7% dalam tahun 1995 kepada RM4.5 bilion.

- (b) Pada masa ini dua syarikat takaful mengendalikan perniagaan takaful keluarga dan am di Malaysia iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan MNI Takaful Sdn. Berhad (MNIT). Kedua-dua pengendali takaful telah mempamerkan peningkatan yang pesat bagi perniagaan takaful keluarga dan am dalam tahun 1995. Bilangan sijil baru yang dikeluarkan meningkat sebanyak 344.8% daripada 6,958 sijil pada tahun 1994 kepada 30,952 sijil dalam tahun 1995. Jumlah caruman juga meningkat sebanyak 119.6% daripada RM11.2 juta pada tahun 1994 kepada RM24.6 juta pada tahun 1995.

Setakat ini kerajaan berpendapat permintaan untuk perlindungan takaful yang wujud boleh ditampung oleh dua pengendali takaful yang sedia ada. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia sedang dalam proses mengkaji implikasi membuka pasaran takaful kepada syarikat insurans konvensional, sebab dalam usaha untuk mempertingkatkan amalan insurans secara Islam, adalah penting bagi kerajaan untuk memastikan perkhidmatan takaful diperluaskan dengan teratur berlandaskan prinsip-prinsip syariah supaya kepentingan orang ramai terpelihara pada setiap masa.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Apakah produk-produk insurans dari syarikat takaful hingga kini sudah?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jawab dalam jawapan tadi, ada dua produk iaitu takaful keluarga dan takaful am.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berhubung dengan jawapan yang mengatakan bahawa ada 62 syarikat insurans yang beroperasi di negara kita. Jadi, adakah 62 syarikat ini sudah cukup ataupun terlalu besar dan perlu diadakan penggabungan antara

syarikat-syarikat insurans yang kecil ini supaya mereka menjadi kukuh dan lebih kuat lagi?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya kerajaan tidak membenarkan lesen-lesen yang baru menunjukkan bahawa 62 syarikat yang wujud di negara ini adalah mencukupi.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat dari Sungai Benut supaya ianya digabungkan, itu adalah satu kemungkinan kerana sepertimana juga industri perbankan, negara kita mempunyai masalah dan satu daripada masalahnya ialah ketidakcukupan pegawai-pegawai bank ataupun pegawai-pegawai yang mengetahui dengan perbankan secara mendalam. Oleh itu, sepertimana juga perbankan, kerajaan menggalakkan agar syarikat-syarikat ini kalau boleh dicantum ataupun dengan izin, di'merger'kan supaya dapat kita gunakan advantage, apa yang dipanggil 'the economy of scale' dan juga dapat menjalankan perkhidmatan insurans secara lebih efisien.

PELUPUSAN SAMPAH DI BANDARAYA KUALA LUMPUR - PRESTASI PERKHIDMATAN KUTIPAN

2. Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebab sehingga kini perkhidmatan kutipan dan pelupusan sampah dalam Bandaraya Kuala Lumpur semakin merosot sedangkan wang yang dibelanjakan semakin meningkat. Bagaimanakah prestasi setiap kontraktor pembersih swasta setakat ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Dr. Ibrahim bin Saad]: Tuan Yang di-Pertua, pengurusan pungutan sampah yang cekap bergantung kepada beberapa faktor seperti bekalan lori, pemungut sampah yang

baik dan mencukupi, penyeliaan yang berkesan, bekalan pekerja-pekerja yang mencukupi, kerjasama orang ramai dan keadaan tapak pelupusan yang dapat memenuhi keperluan pembuangan sampah sarap. Sejak akhir ini beberapa rentetan kejadian berlaku menyebabkan masalah timbul. Antara masalah yang dihadapi oleh DBKL ialah:

- (i) penutupan tapak pelupusan sampah yang dijangkakan di Jinjang Utara yang menyebabkan sebahagian daripada lori-lori pemungut sampah terpaksa menghantar buangan mereka ke Air Hitam Sanitary Landfill di Puchong. Jarak yang jauh lebih kurang 35 km pergi sahaja dan masa perjalanan yang panjang selama 3 hingga 4 jam telah menjejaskan jadual pungutan sampah. (ii) jadual pungutan sampah di waktu malam di kawasan-kawasan tertentu telah terjejas disebabkan masa operasi di tapak pelupusan sampah di Taman Beringin telah dihadkan masanya, iaitu dari 7.30 pagi hingga 4.30 petang sahaja. Sedangkan sebelum ini tapak pelupusan itu beroperasi hingga pukul 12.00 malam. Tempoh masa operasi ini telah dihadkan disebabkan ada pandangan, cadangan dan bantahan penduduk di kawasan berkenaan.

DBKL telah mengambil beberapa langkah bagi mengatasi masalah tersebut. Di antaranya ialah, pertama pengangkutan sampah pada waktu malam ke Air Hitam di mana Syarikat World Wide Sita yang mengendalikan tapak pelupusan sampah di Air Hitam sedang berusaha untuk menyediakan kemudahan dan kelengkapan untuk beroperasi sebelah malam. Adalah dijangkakan penghantaran sampah pada waktu malam ini akan dapat beroperasi pada hujung bulan Jun nanti.

DBKL juga terus mengawasi kerja-kerja pungutan sampah di kawasan-kawasan yang tergendala dan jika perlu tindakan sewajarnya ditingkatkan dan diambil. Setakat ini DBKL telah melantik 23 syarikat untuk mengendalikan kontrak pungutan sampah di Bandaraya Kuala Lumpur.

Mengenai prestasi kontraktor-kontraktor tersebut iaitu berdasarkan kos dan prestasi kerja-kerja kontrak, lebih daripada 70% kontraktor pemungut sampah ini menunjukkan prestasi kerja yang baik, manakala bakinya telah diambil tindakan amaran dan denda. Secara purata, lebih kurang 5 atau 6 syarikat diambil tindakan amaran dan denda setiap bulan. Sementara itu 3 syarikat telah diambil tindakan penamatan kontrak. Adalah diharapkan bahawa langkah-langkah yang telah diambil serta penyeliaan berjadual akan dapat memperbaiki perkhidmatan kutipan dan pelupusan sampah di Bandaraya Kuala Lumpur ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat terangkan, dengan Rancangan Malaysia Ketujuh dan konsesi diberi kepada HICOM, tempoh yang diperlukan untuk HICOM menyediakan kemudahan seperti incinerator pembakar dan juga dalam tempoh ini adakah Yang Berhormat sanggup mengkotakan janji bahawa tapak pelupusan di Jinjang Utara ditutup pada bulan Jun?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kepong, sebenarnya bahagian soalan yang kedua itu Yang Berhormat hendak tahu sangat. Memang kita akan tutup pelupusan sampah di Jinjang Utara dalam kawasan Parlimen Kepong pada penghujung bulan Jun seperti yang dinyatakan dahulu. Sebab tanah ini ialah tanah polis dan telah diswastakan 40 ekar dari sebahagian daripada 160 ekar yang diswastakan. Kita telah komited kepada pihak yang berkenaan pada penghujung bulan ini, maka ia akan diberhentikan.

Mengenai penswastan pungutan sampah, kita akan bermula pada 1hb. Januari, 1997. Dalam perjanjian-perjanjian itu, memang ada semua yang dinyatakan, iaitu sama ada daripada incinerator, sanitary land fill dan berbagai-bagai cara yang lain. Secara detail, saya tak dapat memberi keterangan penuh.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah selepas HICOM Holdings Bhd. ini mengambil alih perkhidmatan mengutip dan melupuskan sampah di Kuala

Lumpur ini, apakah kadar bayaran perkhidmatan yang akan dikenakan di setiap rumah kediaman, kedai, kilang dan bangunan. Adakah DBKL akan mengurangkan cukai pintu yang dikenakan kepada semua pihak pengguna ini, kerana selama ini bayaran untuk pembersihan sampah merupakan sebahagian daripada cukai pintu yang dibayar?

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Sebenarnya kita belum tahu berapa cukai yang akan dikenakan ataupun caj yang akan digunakan ataupun tarif akan digunakan oleh pihak konsortium yang dikepalai oleh HICOM ini. Kalau tanya saya banyak mana, saya pun tak tahu, sebab kita belum selesai. Walau bagaimanapun, cadangan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat dari Cheras itu, iaitu cukai pintu yang dikenakan sekali dalam tempat pungutan sampah, saya pasti kita akan asingkan daripada cukai pintu, sebab penswastaan pungutan sampah bukan lagi akan dikendalikan oleh Dewan Bandaraya. Jadi, Dewan Bandaraya tidak akan masukkan pungutan sampah dalam cukai pintu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Puan Hajah Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas.

Puan Hajah Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor 3, tetapi sebelum itu saya pohon buat pembetulan sedikit. Pada barisan yang ketiga, selepas perkataan “bekas anjuran kerajaan”, saya pohon ditambah “amat tinggi”. Terima kasih.

**PEPERIKSAAN CERTIFICATE OF LEGAL PRACTICE (CLP) -
SEBAB CALON TAJAAN KERAJAAN GAGAL**

3. **Puan Hajah Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas [Parit]** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa kadar kegagalan calon-calon kursus Certificate of Legal Practice (CLP) termasuk calon yang merupakan pelajar bekas anjuran kerajaan amat tinggi dan jika sedar adakah ini merupakan satu pembaziran wang kerajaan kerana calon yang ditaja oleh kerajaan juga turut gagal.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji

Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, Peperiksaan Sijil Amalan Guaman atau Certificate Legal Practice telah diperkenalkan pada tahun 1984 dan dikendalikan oleh Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang Malaysia. Peperiksaan ini diwajibkan kepada semua pemegang Ijazah Sarjana Muda Undang-undang LLB dari universiti-universiti di England, Wales dan Ireland Utara yang mana mereka tidak menduduki peperiksaan akhir Bar di sana, tetapi ingin menjadi peguambela dan peguam cara di Malaysia.

Seseorang calon yang lulus peperiksaan ini diiktiraf sebagai orang yang berkelayakan ataupun 'a qualified person' dengan izin, di bawah seksyen 3, Akta Profession Undang-undang 1976, dan boleh memulakan latihan dalam kamar, dengan izin, 'reading-in-chambers' sebelum boleh diterima masuk sebagai pegumbela dan peguamcara di Malaysia. Peperiksaan ini diadakan sekali setahun pada tiap-tiap bulan Ogos. Pada peperiksaan bulan Ogos tahun 1995, pencapaian calon-calon adalah seperti berikut.

Yang lulus mutlak 410 orang - 28.43%.

Yang lulus bersyarat 218 orang - 15.12%,

Yang gagal 814 orang - 56.45%.

Jumlah calon yang telah mengambil peperiksaan ini ialah 1,442 orang.

Calon-calon yang telah mengambil peperiksaan di atas termasuk calon-calon yang merupakan bekas pelajar anjuran kerajaan. Calon-calon anjuran kerajaan yang telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan pada bulan Ogos, 1995 adalah seperti berikut:

PENAJA	BIL. CALON
Jabatan Perkhidmatan Awam	34 calon;
Mara	32 calon;

Faktor-faktor yang telah membawa kepada jumlah kegagalan yang tinggi ialah:

- (i) Jumlah calon yang ramai di mana bilangan calon telah bertambah 15 kali ganda dibandingkan dengan jumlah yang menduduki peperiksaan pada tahun 1984 iaitu tahun pertama peperiksaan ini diadakan.
- (ii) Calon-calon yang ramai ini adalah pemegang-pemegang ijazah undang-undang dari berbagai-bagai universiti di United Kingdom dan universiti-universiti ini pula mempunyai kualiti dan mutu yang berbeza. Pada tahun 1992 dan 1993, apabila

semua politeknik di United Kingdom menjadi universiti, jumlah universiti bertambah dan mempunyai autonominya sendiri. Ini menyulitkan usaha untuk mengenalpasti universiti-universiti yang bermutu tinggi dan yang sebaliknya. Dengan adanya banyak universiti-universiti yang berbeza dari segi kualiti, maka calon-calon yang pulang juga mempunyai perbezaan dari segi kualiti dan pengetahuan.

- (iii) Universiti-universiti di United Kingdom, terutamanya universiti-universiti baru yang dahulunya politeknik dan yang tidak lagi menerima pembiayaan dari kerajaan di sana telah terpaksa berlumba-lumba mendapatkan ramai pelajar dari seberang laut sebagai salah satu punca kewangan. Di dalam proses ini ramai pelajar-pelajar yang tidak layak atau yang mempunyai latarbelakang akademik yang terlalu rendah telah ditawarkan tempat dan dianugerahkan ijazah undang-undang.
- (iv) Di dalam perlumbaan di atas, berbeza-bagai cara dan sekim pembelajaran juga telah dicipta dan ditawarkan kepada rakyat Malaysia yang mana setengahnya tidak memerlukan kehadiran pelajar di universiti berkenaan di United Kingdom dan kesemuanya menjadikan ijazah undang-undang dari United Kingdom amat mudah diperolehi. Contoh-contoh

skim yang ditawarkan ialah pengajian melalui program usahasama dengan kolej-kolej tempatan, pengajian secara luaran dan pengajian secara jarak jauh. Semua ini boleh mendatangkan kesan kepada kualiti apabila tiada pengawasan yang ketat dibuat. Kesannya ialah ramai calon-calon telah dianugerahkan dengan ijazah undang-undang tetapi mereka mempunyai perbezaan dari segi pengalaman akademik, pengetahuan, mutu pembelajaran dan sikap.

- (v) Sebagai suatu peperiksaan profesional untuk menentukan kelayakan untuk memasuki profesion undang-undang di Malaysia sukatan pelajaran untuk peperiksaan ini adalah dirancang khas dan berasaskan kepada undang-undang dan prosedur yang diamalkan di Malaysia. Maka, walaupun semua calon-calon adalah merupakan pemegang ijazah undang-undang, namun begitu, apa yang mereka telah pelajari adalah berdasarkan sistem perundangan di United Kingdom dan banyak perkara baru yang harus mereka ketahui kerana terdapat perbezaan di antara apa yang mereka pelajari dengan undang-undang dan prosedur yang diamalkan di Malaysia.
- (vi) Peperiksaan Sijil Amalan Guaman adalah suatu peperiksaan awam dan tiada perbezaan dibuat di antara calon-calon dari

universiti yang baik dan yang berrmutu tinggi atau sebaliknya. Semua calon yang mempunyai ijazah undang-undang dari universiti-universiti di England, Wales dan Ireland Utara layak memohon dan menjadi calon. Semua calon yang didaftar boleh membuat persiapan sendiri atau mengikut kursus khas yang dikendalikan oleh universiti atau kolej-kolej swasta tempatan. Lembaga kelayakan tidak menawarkan apa-apa kursus, Lembaga Kelayakan hanya menentukan sukatan pelajaran, mendaftar calon, mengendalikan peperiksaan dan mengeluarkan sijil kepada mereka yang lulus.

- (vii) Sebagai suatu peperiksaan bertaraf profesional, Lembaga Kelayakan menetap dan mengekalkan suatu tahap yang tinggi yang perlu dicapai oleh calon-calon untuk lulus. Di dalam peperiksaan pada bulan Ogos, 1995 ramai calon didapati tidak berjaya mencapai tahap-tahap seperti yang ditetapkan.
- (viii) Tahap yang ditetapkan adalah sama dengan tahap yang ditetapkan di fakulti undang-undang di unviersiti-universiti tempatan, malah ramai kakitangan daripada fakulti undang-undang di universiti-universiti tempatan yang digunakan oleh Lembaga Kelayakan di dalam mengendalikan hal-hal berhubung dengan penyediaan kertas soalan dan penyemakan

kertas jawapan untuk peperiksaan ini. Selain dari kakitangan universiti tempatan, orang-orang lain yang dipilih dan dilantik ialah terdiri daripada peguam-peguam yang kanan, pegawai-pegawai kanan di Jabatan Peguam Negara dan ahli-ahli di dalam badan kehakiman.

- (ix) Untuk memastikan bahawa tidak berlaku ketidakadilan di dalam peperiksaan semua kertas-kertas jawapan yang gagal, disemak semula oleh pemeriksa yang berbeza dan suatu penyemakan pencapaian dan keputusan dibuat oleh suatu panel pemeriksa yang dilantik sebelum keputusan peperiksaan diumumkan.

Ingin dinyatakan bahawa peperiksaan Sijil Amalan Guaman adalah suatu peperiksaan bertaraf profesional, hanya untuk mereka yang ingin memasuki profesion undang-undang di Malaysia. Mereka yang tidak ingin memasuki profesion undang-undang sebagai pengamal tidak perlu menduduki peperiksaan ini. Sebagai badan yang dipertanggungjawabkan oleh Parlimen, Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang yang mengendalikan peperiksaan ini terpaksa menetap dan mengekalkan suatu mutu yang tinggi sesuai dengan kehendak profesion dan negara. Bagi mereka yang tidak mampu lulus pada peperiksaan ini dan mereka yang tidak berniat untuk memasuki profesion undang-undang di Malaysia, mereka boleh menggunakan kelulusan

akademik di dalam bidang undang-undang yang diperolehi itu untuk menceburkan diri di dalam aktiviti-aktiviti lain selain daripada menjadi pengamal undang-undang. Di pandang dari segi ini, kegagalan dalam Sijil Peperiksaan Amalan Guaman oleh calon-calon anjuran kerajaan tidak boleh dilihat sebagai suatu pembaziran.

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hasrat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, standard yang tinggi yang diletak ini tujuannya untuk menjaga imej profesion guaman, dan sesuai dengan hasrat tersebut, adakah pihak kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula penganjur-penganjur termasuk di dalam negeri dan di luar negara yang menganjurkan kursus-kursus ijazah sarjana muda undang-undang ini supaya tahap pencapaian, bukan sahaja di dalam peperiksaan, tetapi dalam prinsip amalannya, apabila mereka ini mengamalkan undang-undang, mutu itu tetap dijaga dan seterusnya adakah pihak kerajaan berhasrat, kita mendengar baru-baru ini, pihak kerajaan berhasrat untuk meminda Profesion Guaman, 1976. Adakah dalam kajian ini termasuk, pertama sekali, syarat supaya reading-in-chambers, dengan izin, dilanjutkan tempoh daripada 9 bulan sekarang kepada 2 tahun.

Keduanya supaya mereka yang mempunyai pengalaman undang-undang, mengamalkan undang-undang selama 5 tahun sahaja boleh membuka firma guaman sendiri demi menjaga imej profesion guaman di negara ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya iaitu faktor kedua, mengapa kegagalan begitu tinggi ialah kerana calon-calon yang ramai ini adalah pemegang ijazah undang-undang dari berbagai universiti di United Kingdom dan universiti-universiti ini pula mempunyai kualiti dan mutu yang berbeza. Jadi, oleh kerana ini merupakan satu daripada puncanya yang menyulitkan usaha untuk mengenalpasti universiti-universiti yang bermutu tinggi dan yang sebaliknya, maka, sudah tentulah kerajaan akan memakan masa sedikit untuk mengenalpasti universiti-universiti yang manakah yang boleh diterima untuk menjadi calon dalam peperiksaan ini.

Walau bagaimanapun, pada peringkat ini, seperti mana yang telah disebutkan sebentar tadi, ini merupakan satu peperiksaan profesional dan di peringkat ini kita tidak mendiskriminasikan antara graduan-graduan daripada universiti-universiti tertentu, maka pada peringkat ini kerajaan masih lagi belum berhasrat untuk mengenalpasti universiti-universiti yang mempunyai kualiti ataupun tidak bagi membolehkan graduan-graduan mereka untuk menjadi calon dalam peperiksaan yang dianjurkan oleh Lembaga Kelayakan ini.

Berkenaan dengan soalan kedua, pada peringkat ini belum lagi ada cadangan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Machang tadi.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selaras dengan kehendak kerajaan untuk memperkembangkan

Malaysia sebagai pusat pengajian tinggi dan sudah tentu CLP adalah satu-satunya kelayakan profesional yang perlu diiktiraf seberapa banyak dari negara-negara, terutamanya dari kalangan Commonwealth, soalan tambahan yang saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah, apakah usaha pihak Lembaga Kelayakan untuk memperkenalkan CLP ini supaya diterima sebagai satu kelayakan profesional di kalangan negara-negara Commonwealth?

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, CLP ini telah diwujudkan sebagai pengganti peperiksaan akhir Bar yang diadakan di United Kingdom bagi graduan-graduan universiti di England, Wales dan Ireland Utara dan CLP ini adalah diwujudkan bagi mereka yang mahu mengamalkan undang-undang di negara Malaysia, maka oleh kerana itu kita tidak bercadang untuk mewujudkan satu peperiksaan bagi mereka mengamalkan undang-undang di Commonwealth, cuma di Malaysia sahaja.

KEMPEN CINTAI SUNGAI KITA - KEBERKESANAN

4. **Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood [Kuala Krai]** minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) berapa banyak peruntukan yang telah dibelanjakan bagi Kempen “Cintai Sungai Kita”. Sila nyatakan mengikut negeri dan daerah. Sejauhmana kesan dan faedah yang diperolehi dari kempen tersebut. Nyatakan tiga kes yang terlibat; dan
- (b) adakah kerajaan sedar bahawa pembahagian subsidi baja padi tidak tepat pada matlamat kerajaan, bahkan orang yang tidak menanam padi mendapat baja di Kelantan. Jika

sedar, apakah tindakan kerajaan untuk membendung gejala ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sejak Kempen 'Cintailah Sungai Kita' dilancarkan pada tahun 1993 sehingga akhir tahun 1995 sebanyak kira-kira RM1.15 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan kempen tersebut seperti aktiviti sungai angkat, pendidikan, pemerhatian sungai dan ekspedisi sungai. Sebahagian besar dari kegiatan-kegiatan kempen ini diuruskan sendiri oleh Ibu Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk dinikmati bersama oleh semua negeri yang mengambil bahagian manakala jumlah perbelanjaan yang disalurkan kepada negeri-negeri adalah terlalu kecil.

Kempen 'Cintailah Sungai Kita' merupakan satu program jangka panjang yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai supaya bersama-sama terlibat dalam pemeliharaan dan penjagaan sungai. Sehingga kini, kempen tersebut telah berjaya meningkatkan tahap kesedaran orang ramai supaya bersama-sama terlibat dalam pemeliharaan dan penjagaan

sungai. Sehingga kini kempen tersebut telah berjaya meningkatkan tahap kesedaran rakyat terhadap kepentingan sungai dalam kehidupan mereka dan memperolehi kerjasama orang ramai, penduduk setempat serta murid-murid sekolah bagi menjaga dan memelihara kawasan-kawasan sungai di tempat masing-masing sebagai pusat rekreasi dan rehat yang indah dan bersih. Sehingga akhir tahun 1995, sebanyak 142 kawasan sungai telah dijadikan kawasan sungai angkat. Di samping itu, 53 buah sekolah terlibat dalam aktiviti pemerhatian sungai bagi mengesan dan mengawasi kualiti air di 30 batang sungai.

Kempen ini juga telah berjaya menggalakkan kerja-kerja mengindah dan menyediakan kemudahan di persekitaran sungai terutamanya di kawasan-kawasan bandar melalui kerjasama pihak berkuasa tempatan, agensi-agensi berkaitan serta pihak swasta. Sehubungan dengan ini, konsep pembangunan berhadapan sungai digalakkan. Sehingga kini, 6 kawasan berhadapan sungai telah dimajukan, manakala 30 kawasan lagi sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Tiga kes yang terlibat ialah:

- (i) Sungai Raga, Yang, Kedah.
- (ii) Sungai Paya Mas Johor, Johor Bahru, dan
- (iii) Sungai Peruh, Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Skim Subsidi Baja Padi telah dilaksanakan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian sejak tahun 1979 dengan tujuan untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi dan beras negara. Menerusi skim ini, subsidi baja padi diberi kepada tuan tanah atau pengusaha penanaman padi berdasarkan terhad kepada keluasan enam ekar seorang pengusaha. Pelaksanaan skim ini telah mencapai matlamat kerajaan khususnya peningkatan hasil dari 3 tan kepada 4.68 tan sehektar di kawasan KADA, Kelantan.

Untuk makluman, Kementerian Pertanian sedang mengkaji keseluruhan dasar dan kaedah pangagihan subsidi baja padi untuk memperkemaskan lagi prestasi di samping mengatasi apa-apa kelemahan yang ada.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, cuma ada pembetulan sedikit, 'Sungai Raga, Yan' bukan 'Yang', Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Bukan hendak buat soalan?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, ada soalan! Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri ini, memandang kos pembiayaan untuk menanam padi kian sehari kian meningkat dan harga "begheh" kita nampak, walaupun kerajaan cuba hendak control tetapi ada juga jenis super, ia naik. Adakah kerajaan bercadang untuk memberi tambahan subsidi ataupun bantuan subsidi berupa lain daripada wang, mungkin subsidi racun serangga dan sebagainya untuk meringankan beban pak tani-pak tani kerana mereka inilah orang yang bertanggungjawab yang menyara kita makan nasi hari-hari?

Tuan Yang di-Pertua, jadi, apakah kementerian akan membuat kajian yang menyeluruh dan memastikan bahawa pak tani-pak tani di Malaysia ini diberi nikmat kenaikan sedikit subsidi.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Yan, Kedah. Sebetulnya, saya juga ingin membuat pembedaan, bukan 'begheh' - 'beras' ya!
[Ketawa]

Memang, saya akui bahawa kos pembiayaan padi ini makin meningkat. Tetapi, walau bagaimanapun, kementerian saya tidak berhajat untuk menambahkan lagi kadar bantuan subsidi daripada apa yang ada kerana

perbelanjaan untuk bantuan subsidi sehingga ini sudah mencukupi. Apa yang kementerian saya cuba tingkatkan ialah untuk mengurangkan kos pengeluaran dan mempertingkatkan hasil pengeluaran satu hektar, kalau boleh hendaklah sampai ke tahap enam hingga tujuh tan satu hektar.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan tambahan. Kerja Kempen Cintailah Sungai ialah kerja yang dibuat oleh JPS tetapi dari segi penguatkuasaannya, saya rasa JPS tidak ada, sebab itulah kita dapati bahawa ditebing-tebing sungai bukan sahaja sungai semulajadi tetapi sungai-sungai dalam kawasan pengairan seperti di kawasan Mada, kita dapati ramai setinggalan di tebing-tebing sungai ini.

Jadi, apakah pendekatan yang boleh dibuat oleh kementerian Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri supaya setinggalan-setinggalan ini dapat mengosongkan tebing-tebing sungai kerana kita sangat memerlukan kepada keselesaan fungsi sungai terutama sekali dalam kawasan Mada.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kangar, bahawa memang benar, JPS tidak ada kuasa dari segi bidang penguatkuasaan. Tetapi walau bagaimanapun, JPS sebagai tugasnya akan menasihati mereka yang berkenaan, tetapi kalau kawasan itu kawasan perairan, JPS memberi kuasa, tetapi kalau kawasan sungai, yang berkuasa hanya ialah kalau dalam Majlis Perbandaran maka Majlis Perbandaran ataupun Majlis Daerah.

Jadi, ini bermakna kementerian saya akan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan supaya dapat membersihkan kawasan-kawasan setingan sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi dari segi penguatkuasaan, hidupan air di sungai-sungai, itu memang di bawah kementerian saya iaitu di bawah Jabatan Perikanan.

PENGEMIS ASING - TINDAKAN

5. **Dr. G. Leelavathi [Kapar]** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan mengapakah terdapat secara mendadak bertambahnya bilangan pengemis asing terutamanya di masjid-masjid, pasar-pasar malam dan Tok Kong di Batu Caves dan pengemis-pengemis ini telah dihantar tiap-tiap hari ke tempat-tempat ini dengan kenderaan persendirian. Adakah terdapat sebuah sindiket yang terlibat di dalam urusan ini.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak menggalakkan orang-orang mengemis di negara ini lebih-lebih lagi pendatang tanpa izin. Walau bagaimanapun, masalah pengemis tidak dapat dihapuskan sama sekali selagi rakyat negara ini terus memberi sedekah kepada mereka yang mengemis termasuk di masjid-masjid, pasar-pasar malam dan tok kong.

Kementerian ini melalui Pasukan Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta kerajaan tempatan, sentiasa membuat serbuan pengemis dari semasa ke semasa mengikut perbekalan undang-undang Akta Orang Papa 1977.

Pengemis-pengemis asing yang ditangkap diserahkan kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan seterusnya. Sehingga kini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat tidak dapat mengenal pasti sama ada adanya sindiket-sindiket tertentu dalam urusan pengemis.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, ada laporan bahawa pengemis-pengemis ini adalah daripada mereka yang telah dicolek dan dibuat modifikasi individu sebelum dijadikan peminta sedekah. Apakah kebenaran berita ini dan apakah mereka yang datang dari luar negara itu juga mereka yang di dalam kategori ini atau mereka yang dicolek dari luar negeri dibawa ke negara ini?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang ada pada kementerian, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, belum dapat diketahui.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan pertambahan golongan peminda sedekat ataupun pengemis ini, yang kita dapati semakin hari semakin bertambah. Jadi, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang lebih konkrit, selain daripada tangkapan ke atas mereka yang mengemis dan setakat ini adakah kementerian mendapat satu punca ataupun permasalahan yang menyebabkan mereka mengemis dan kalau ada, apakah tindakan-tindakan yang akan dibuat?

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu pengemis ini akan bertambah dari masa ke semasa, tetapi mengikut apa yang ada pada saya:

<u>Tahun</u>	<u>Bil. serbuan</u>	<u>Pengemis tempatan</u>	<u>Pengemis asing</u>	<u>Jumlah</u>
1994	102	936	144	1,080
1995	123	701	83	784
1996 (Jan-Mac)	25	97	60	182

Perkara ini tidak bertambah begitu ketara, tetapi berkurangan. Jadi, perkara-perkara yang diambil oleh kementerian memang kita tahu perkara ini bukan sahaja dari serbuan tetapi mereka yang mengemis ini mungkin ada di dalam pondok masjid ataupun di mana-mana tempat. Mereka ini memang ada mendapat pertolongan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi apa yang mereka mahu, mungkin mereka mendapat tambahan sedikit daripada mengemis. Jadi, kalau kita rakyat Malaysia memikirkan sekiranya perkara ini akan menjadi satu perkara yang tidak baik kepada negara kita, bukan kita tidak boleh menolong orang yang mengemis ini tetapi lebih baik lagi kalau kita menolong menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun menerusi NGO yang ada mengendalikan rumah-rumah orang tua di negara ini.

“SISTEM OMBUDSMAN” - PELAKSANAAN

6. **Dr. Tan Kee Kwong [Segambut]** minta Perdana Menteri menyatakan perihal pelaksanaan awal “Sistem Ombudsman”. Ini adalah untuk membolehkan sistem ini mempertimbangkan semula kesan-kesan dan kadar

penggunaan kemudahan awam yang telah diswastakan seperti IWK, TNB, Telekom, Pengutipan Tol, dll.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Muhammad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengkaji Sistem Ombudsman dan badan-badan seumpamanya yang mengendalikan aduan awam yang diamalkan di negara-negara lain seperti Inspection Bureau Management and Coordination Prime Minister's Office (Ombudsman), "Wafaki Muhtasit" dan Comissioner for Administrative Complaints daripada negara-negara Jepun, Korea, Pakistan dan Hong Kong. Didapati sistem pengadilan pengendalian aduan awam yang dijalankan oleh Biro Pengaduan Awam Jabatan Perdana Menteri adalah lebih sesuai dan berkesan untuk negara kita. Di bawah sistem yang sedia ada, Biro Pengaduan Awam boleh menerima dan menyiasat aduan terhadap agensi-agensi yang telah diswastakan.

Biro Pengaduan Awam juga bekerjasama dengan badan-badan yang mengawal selia agensi-agensi yang telah diswastakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang diadakan oleh orang ramai. Kerajaan sentiasa meneliti mengenai kesan-kesan dan kadar penggunaan kemudahan awam yang telah diswastakan. Sebarang perubahan kadar pengaduan kemudahan awam mestilah dianalisa terlebih dahulu oleh kerajaan sebelum dilaksanakan.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguh pun consession untuk 9 tahun untuk tol di Jalan Kuching dan Jalan Kepong sudah tamat 8hb. Januari dan rakyat dan Parlimen ini ada diberi jaminan bahawa consession ini tidak akan dilanjutkan

dalam akhir 80-an dalam Dewan yang mulia ini. Kamunting Corporation dibenarkan untuk terus mengutip tol sungguh pun tidak sah (illegal). Bukankah ini satu contoh yang baik di mana pihak tanpa satu mekanisme untuk mewakili kepentingan orang ramai dalam pertimbangan tol atau kutipan mengenai perkhidmatan yang ada diswastakan bahawa pihak kerajaan tidak membela nasib rakyat dan mengorbankan kepentingan ramai kepada keuntungan, ketamakan korporat atau pun kerajaan tidak jujur dan ikhlas dalam menjalankan tugasnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa soalan Yang Berhormat tadi itu sepatutnya ditujukan kepada Kementerian Kerja Raya.

Tuan Lim Kit Siang: Ini mengenai pengutipan tol.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Itu sebagai contoh, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Sebagai contoh terhadap Ombudsman penswastan inilah dalam soalan.

Datuk Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan Barisan Nasional lebih peka kepada rakyat daripada pembangkang [*Tepuk*]. Sekiranya perkara ini untuk dibuat kajian lanjut, bolehlah buat aduan kepada Biro Pengaduan Awam. Terima kasih.

7. **Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada masih wujud kes ponteng sekolah di kalangan pelajar di luar bandar disebabkan kedhaifan keluarga dan bagaimanakah peningkatan pencapaian peperiksaan pelajar Sabah yang beberapa tahun lalu dulu mencatat keputusan paling teruk berbanding negeri-negeri lain; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang membina lebih banyak maktab-maktab perguruan di Sabah.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) memang tidak dapat dinafikan terdapat kes ponteng sekolah disebabkan kedhaifan keluarga sama ada kerana masalah kewangan atau kurang kesedaran terhadap kepentingan pendidikan. Walau bagaimanapun, kes seperti ini adalah sangat kecil. Mengenai pencapaian pelajar di Sabah, memang terdapat peningkatan. Contohnya, dalam keputusan Peperiksaan SPM 1995, peratus kelulusan ialah 59.7% berbanding dengan 56.6% tahun sebelumnya. Kementerian Pendidikan telah menjalankan Program Gerak Kembar dan keputusan peperiksaan didapati meningkat;
- (b) dalam Rancangan Malaysia Ketujuh sebuah lagi maktab perguruan akan di bina di negeri Sabah sebagai tambahan empat buah maktab perguruan yang sedia ada.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah diketahui umum bahawa masih banyak kekurangan guru di peringkat sekolah menengah dan difahamkan setakat ini masih dalam peringkat 1,000 kekurangan guru-guru. Pada masa yang sama juga terdapat banyak anak-anak lepasan SPM, STPM yang ingin memasuki maktab-maktab perguruan semua ini tetapi waiting list, dengan izin, itulah masalahnya. Saya ingin bertanya berdasarkan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa ada sebuah maktab lagi yang akan ditubuhkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, bilakah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dimulakan dan di manakah di tempatkan nanti? Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan Kementerian Pendidikan menghadapi masalah kekurangan guru bukan sahaja di Sabah tetapi diseluruh negara dan Kementerian Pendidikan telah laksanakan beberapa program untuk mengatasi masalah tersebut termasuklah melaksanakan satu skim gaji yang baru untuk calon-calon yang keluar dari maktab perguruan dengan Diploma Sijil Asas Pendidikan.

Tentang pelaksanaan maktab perguruan di Sabah, rancangan itu akan dilaksanakan di peringkat awal Rancangan Malaysia Ketujuh dan tempatnya Kementerian Pendidikan belum muktamad, tetapi akan ditempatkan kepada satu lokasi yang sesuai dari segi keperluan negeri tersebut.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, masalah ponteng sekolah dan ketidakmampuan anak-anak bumiputera, sama ada orang Melayu ataupun orang Asli masih ketara. Jadi, adakah satu cadangan daripada Kementerian Pendidikan bersama dengan kementerian-kementerian yang berkenaan untuk mengadakan gerak gempur, bukan gerak 'gempar', tetapi gerak gempur untuk menggalakkan dan mengenalpasti punca dan permasalahan maka mereka ini tidak pergi ke sekolah, tidak hadir dan sebagainya.

Jadi, soalan saya, selain daripada langkah yang akan diambil dan adakah kementerian bercadang untuk membina maktab-maktab perguruan di seluruh negeri di negara ini bagi mengatasi masalah kekurangan guru yang begitu ketara sekali?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf tentang gerak gempur. Berkaitan dengan langkah-langkah yang kementerian telah dan akan laksanakan untuk mengatasi masalah-masalah kes seperti ini. Memang tidak boleh dinafikan asas yang utama ialah latar belakang keluarga. Jadi, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan skim-skim di mana kita membina sekolah-sekolah dengan asrama, sama ada sekolah berasrama penuh, sekolah asrama harian dan sebagainya untuk mengatasi masalah-masalah bagi kawasan yang miskin di mana asas utama ialah kemiskinan rakyat tempatan.

Selain dari itu juga, Kementerian Pendidikan pun selalu mengadakan kem-kem motivasi di kalangan pelajar untuk mempertingkatkan minat mereka

tentang pendidikan dan dalam hal ini, kita juga menasihatkan pihak sekolah, khususnya guru-guru supaya selalu berdialog dengan ibu bapa supaya kita boleh menggalakkan dan mempertingkatkan minat di kalangan mereka terhadap pendidikan anak-anak mereka.

JENAYAH JUVANA - LANGKAH MENANGANI

8. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kadar peningkatan atau penurunan kes-kes jenayah juvana di seluruh negara sejak tahun 1990 hingga ke statistik yang terakhir. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya kes-kes tersebut dan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk mengurangkannya. Nyatakan kementerian-kementerian lain yang bertindak secara bersepadu untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan tangkapan kes-kes jenayah juvana di antara tahun 1990 hingga tahun 1995 mencatatkan penurunan pada kadar 24.18% dan 22.98% dalam tahun 1991 dan tahun 1994 dan mencatatkan peningkatan pada kadar 48.14%, 16.45% dan 44.31% dalam tahun 1992, 1993 dan 1995.

Di antara faktor-faktor yang dikenal pasti menyebabkan berlakunya kes-kes jenayah juvana ialah:-

- (i) kurang didikan agama dan moral;
- (ii) kurang perhatian dan kasih sayang dari keluarga;
- (iii) keadaan keluarga yang tidak harmoni;
- (iv) taraf sosio-ekonomi keluarga yang rendah;
- (v) dorongan gerakan dan kumpulan remaja;

- (vi) pengaruh dari media massa;
- (vii) mengejar kemewahan dengan cara mudah walaupun bertentangan dengan prinsip agama dan undang-undang.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian bagi mengurangkan gejala jenayah juvana ialah:-

- (i) melancarkan kempen mencegah jenayah khusus di bandar-bandar bagi memupuk kesedaran sivik melalui ceramah dan pameran di sekolah-sekolah;
- (ii) menggalakkan penubuhan pasukan-pasukan beruniform di sekolah-sekolah dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bagi menerapkan nilai-nilai disiplin diri serta pendedahan kepada undang-undang negara;
- (iii) melancarkan operasi di tempat-tempat maksiat, hiburan dan sarang penagihan dadah;
- (iv) mengawal kemasukan dan penayangan filem-filem berunsur lucah dan ganas;
- (v) memberkas dan mendakwa mereka yang terlibat dengan jenayah di hadapan Mahkamah Juvana.

Kementerian lain yang turut bertanggungjawab dalam menangani masalah juvana ialah Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, ada juga yang mengatakan bahawa kes-kes juvana ini adalah akibat daripada remaja-remaja yang begitu kreatif dan ingin mencuba sesuatu yang baru. Apakah kerajaan bercadang untuk mengkategorikan semula jenis-jenis kes juvana ini supaya ia dikelaskan mengikut kategori-kategori yang tertentu?

Yang kedua, kes juvana ini adalah juga disebabkan oleh ibu bapa atau penjaga yang tidak menjaga anak-anak mereka. Apakah cadangan untuk memberikan hukuman kepada penjaga atau ibu bapa yang lalai dan menyebabkan kes-kes juvana ini berlaku?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang kajian yang terperinci diadakan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan terhadap masalah dan jenis jenayah juvana ini. Mengenai mengkategorikan semula kerana ada kumpulan yang kreatif, walau bagaimana kreatif pun seseorang itu, mereka ini tidak boleh dibenarkan untuk melanggar undang-undang. Saya rasa kreativiti ini boleh kita gunakan dengan sepenuhnya kalau sekiranya semua pihak yang tertentu itu mengadakan program-program yang secukupnya untuk memberikan pendedahan mereka itu supaya talent mereka itu boleh digunakan, tetapi bukan sehingga kreativiti itu dibenarkan menjadi satu jenayah juvana.

Mengenai menghukum ibu bapa atau penjaga, adalah tidak wajar ataupun tidak adil kalau seseorang ibu bapa atau penjaga itu secara tidak sengaja atau pun oleh sebab-sebab kerjanya itu, anak-anak mereka sudah melakukan jenayah juvana. Mereka itu tidak sengaja dan kalau kita hukum mereka, kita akan menambah masalah kepada keluarga yang sudah ada masalah sedemikian. Lebih elok kalau kita tingkatkan kesedaran sivik dan meningkatkan kesedaran masyarakat dengan memberi bimbingan atau kempen yang lebih positif lebih daripada menghukum mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Dr. Lee Chong Meng.

[Soalan No. 9 - Y.B. Dr. Lee Chong Meng tidak hadir]

JENTERA PEMBAJAK UNTUK PARA PETANI - TAMBAHAN PERUNTUKAN

10. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa tanaman padi adalah bahan makanan utama rakyat negara ini. Negeri Terengganu juga adalah sebahagian besar kawasan pertanian dan kesulitan petani di negeri Terengganu ialah kekurangan jentera pembajak. Adakah kementerian sedar bahawa kekurangan ini yang menyebabkan para petani meninggalkan sawah dan menumpukan bidang pekerjaan yang lain dan adakah kementerian menambahkan peruntukan memperbanyakkan jentera-jentera pembajak bagi membantu para petani.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian memang sedar bahawa beberapa kawasan tanaman padi, khususnya di luar jelapang padi termasuk di negeri Terengganu masih menghadapi masalah kekurangan jentera pembajak. Ini adalah juga salah satu faktor yang menyebabkan para petani meninggalkan sawah mereka dan mengendalikan pekerjaan yang lain.

Bagi mengatasi masalah ini, selain dari penyertaan aktif pihak swasta menggunakan dana tabung untuk makanan, kerajaan juga menyediakan skim pinjaman automasi dan mekanisasi pertanian di bawah Bank Pertanian bagi memberi kemudahan kepada petani-petani, pengusaha-pengusaha dan pertubuhan-pertubuhan peladang untuk memiliki jentera pembajak dan peralatan mekanisasi sendiri.

Pinjaman di bawah skim ini akan diberi dengan syarat-syarat yang mudah bagi menggalakkan petani-petani dan pengusaha-pengusaha memiliki dan menambah bilangan jentera pembajak bagi menampung keperluan di kawasan-kawasan tanaman padi di seluruh negara.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Terengganu sahaja, pihak Pertubuhan Peladang juga telah membekalkan sebanyak 101 buah traktor dan IADP Ketara sebanyak 45 buah traktor. Walau bagaimanapun, pihak swasta adalah digalakkan untuk menambahkan kejenteraan ladang yang telah disediakan oleh pihak kementerian.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa banyak tanah-tanah ditinggalkan tanpa usaha di kawasan sawah padi. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa ramai digalakkan untuk memiliki jentera. Saya rasa perkara ini tidak dapat menyelesaikan masalah kerana kalau banyak jentera pun, kita dapati tanah-tanah masih lagi banyak ditinggalkan. Jadi, apakah usaha yang boleh dibuat oleh kementerian

Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya tanah-tanah yang ditinggalkan ini dikumpulkan dan diusahakan dalam bentuk ladang. Dalam lain perkataan, adakah kementerian Yang Berhormat cuba mewujudkan usahawan tani di kalangan petani-petani sendiri?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana jawapan saya sebentar tadi bahawa di kawasan jelapang padi boleh dikatakan tanah-tanah terbiar ini tidak begitu banyak kerana mereka boleh menanam dua kali setahun dan juga mempunyai jentera ladang yang banyak dan mencukupi.

Apa yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ialah tanah-tanah terbiar ini kebanyakannya berlaku di luar kawasan perairan dan mereka pula tinggal berjauhan di antara satu sama lain dan keluasannya pula bertompok-tompok yang boleh dikatakan tidak begitu ekonomik kalau hendak diusahakan dengan secara komersil. Tetapi, walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya kerajaan-kerajaan negeri sedang mengenal pasti menerusi Jabatan-jabatan Pertanian supaya kawasan-kawasan yang ekonomik dan mempunyai infrastruktur akan diutamakan dalam kaedah kita membasmi tanah-tanah terbiar yang ada di seluruh negara kita.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah ada kaitan dengan tanah-tanah terbiar ini. Dikatakan bahawa masalah ini masih berterusan dan soalan saya ialah bukankah ini fakta ekonomi,

ia tertimbul kerana hasil pelaburan petani ataupun upah petani lebih tinggi dalam sektor yang lain daripada sektor padi? Jadi, dengan itu adakah pihak kerajaan bercadang untuk meningkatkan jumlah import beras supaya tidak memboroskan kewangan negara untuk terus memaksa meningkatkan pengeluaran padi dalam negeri kerana pelaburan seperti itu lebih baik dan lebih tinggi pendapatannya dalam sektor yang lain?

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang kita ketahui memang benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa pendapatan dari sumber penanam-penanam padi agak rendah kalau hendak dibandingkan dengan sektor yang lain. Tetapi, walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui padi atau beras ini adalah satu tanaman yang penting untuk keperluan asasi penduduk-penduduk di negara kita.

Jadi, kementerian saya tidak berhajat untuk menambahkan import padi dari luar negara. Sebaliknya, kita akan berusaha menambahkan pengeluaran produktiviti di sawah-sawah yang menjadi jelapang padi supaya dapat ditingkatkan hitung panjang atau purata pendapatan dari 4.6 tan yang kita dapati ke arah meningkatkan kepada 6 hingga 7 tan satu hektar, satu tuaian dan ini bermakna sehingga ini, kementerian saya telah dapat mengeluarkan kira-kira

65% daripada hasil keluaran padi negara kita dan kita hanya mengimport 35% sahaja.

Walau bagaimanapun, adalah diharapkan kawasan-kawasan baru tidak akan dibuka. Tinggal lagi, kawasan-kawasan baru akan dilengkapkan dengan perairan dan lain-lain lagi untuk tanaman-tanaman lain atau tanaman yang lebih berdaya maju. Jadi, tanaman padi akan diteruskan di kawasan-kawasan jelapang padi.

JPJ DI KLUANG - MENUBUHKAN

11. **Tuan Ho Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Pengangkutan Jalan menyatakan bilakah sebuah Pejabat Pengangkutan Jalan (JPJ) akan dibuka di bandar Kluang untuk memberikan kemudahan dan menjimatkan masa serta wang ringgit kepada orang ramai bagi mengatasi segala masalah yang berkenaan dengan jabatan ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pejabat JPJ akan dibuka di Kluang di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dengan belanja lebih kurang RM9.3 juta. Pada masa ini pengambilan tanah seluas 10 ekar telah pun dibuat dan dijangka selesai pada tahun 1997.

Sementara itu, JPJ akan menyewa dua buah bangunan di bandar Kluang dan bangunan ini akan mula dibuka pada bulan September 1996.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun cukup.

*[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi
Pertanyaan No. 9 dan 12 hingga 56 akan dijilid dalam buku berasingan]*

USUL

Rancangan Malaysia Ketujuh 1996 - 2000

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan Masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai satus negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. *[9hb. Mei 1996]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat dari Kepong diminta sambung dan Yang Berhormat diingatkan bahawa sepertimana yang telah diputuskan oleh Tuan Yang di-Pertua, masa untuk setiap orang ahli berucap itu dihadkan kepada 20 minit sahaja.

3.35 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini teks yang lamalah, tidak tambah apa-apa tetapi Tuan Yang di-Pertua, kami berharap kerajaan adalah serius dalam usaha untuk menjayakan program-program bagi wanita yang merupakan 50% kependudukan Malaysia. Jangan hanya melepaskan batuk di tangga sahaja. Tidak ada peruntukan khusus bagi wanita dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, walaupun peruntukan di lain-lain sektor akan memberi manfaat secara langsung atau tidak langsung. Program-program khas untuk wanita memerlukan peruntukan.

Kami tidak mahu menyaksikan program-program wanita dianggap sebagai hiasan sahaja seperti apa yang berlaku dengan Hal Ehwal Wanita (HAWA). Pada mulanya HAWA adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri, kemudian ia dipindahkan kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Walaupun HAWA merancang, menyelaras dan mengawasi kemajuan dasar-dasar dan aktiviti-aktiviti wanita, keberkesannya adalah diragukan. HAWA telah ditempatkan di satu sudut kecil kementerian tersebut dengan pusat sumber yang dilengkapkan dengan baik. Ia mempunyai

lebih kurang 7 kakitangan termasuk Ketua Setiausaha dan dua Timbalannya serta satu pustakawan. Ada yang mengatakan bahawa HAWA merupakan satu jenis perhiasan sahaja.

Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada dari Tebrau atau dari Parit dan Ahli-ahli wanita yang ada di dalam Dewan ini dapat melawat HAWA untuk menyaksikan apakah sebenarnya yang berlaku dengannya. Tetapi saya diberitahu jangan pergi waktu tengah hari kerana tidak ada orang, tidak dilayan di HAWA. Yang Berhormat dari Tebrau pun tidak pernah bangkitkan masalah HAWA. Yang Berhormat Menteri patutlah mengemukakan satu laporan di dalam Dewan ini untuk menerangkan apakah sebenarnya prestasi HAWA, bukan setakat satu dua perenggan di dalam buku prestasi setiap tahun sahaja.

Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan CEDAW (The Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women), saya tidak akan mengulangi apa yang disentuh olehnya. Pada 5hb. Julai 1995, kerajaan telah merektifikasikan CEDAW dengan ragu-ragu. Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) telah mengemukakan cadangan-cadangan supaya kerajaan menghapuskan keraguan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong pun telah sebutkan mengenai artikel-artikel ataupun perkara-perkara, lima perkara yang diragukan oleh kerajaan. Sekarang kerajaan telah merektifikasikan CEDAW

selama 10 bulan. Adakah laporan tentang kemajuan dalam pelaksanaannya disiapkan untuk dikemukakan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu? Apakah tindakan kerajaan mengenai lima keraguan tersebut?

Kami mengesyorkan supaya kerajaan memindahkan semua undang-undang yang mendiskriminasikan wanita secukup dengan perkara-perkara tersebut. Undang-undang ini adalah termasuk Law Reform Marriage and Divorces Act, section 2, 12 dan 51. Guardianship of Infant Act, section 2, 5, 6, 7, 9 dan 19. Inheritance and Property Laws, Distribution of Estates, section 6 and Labour Laws, Employment Act, Social Security Act, Income Tax Act and Immigration Act. Banyak lagilah undang-undang yang tidak secukup dengan kehendak untuk memberi kesaksamaan kepada kaum wanita. Wujudkanlah struktur kerja bagi wanita yang bekerja termasuk perkhidmatan-perkhidmatan sokongan seperti pusat bimbingan kanak-kanak dan perkhidmatan serenti domestik.

Di sini saya hendak mengucapkan 'syabas' kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana memang dia ada pernah menggalakkan pusat-pusat perkhidmatan serenti domestik. Itu adalah satu perubahan yang baik juga. Saya harap perubahan-perubahan yang lain adalah cukup baik.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam terdapat kekurangan tenaga manusia. Pada tahun 1995 ada lebih 1.1 juta tenaga buruh yang terdiri

daripada 2.49 juta pekerja tempatan dan 650,000 pekerja asing. Pada tahun 2000 tenaga buruh dijangka meningkat kepada lebih 9.3 juta orang, 8.5 juta buruh tempatan dan 781,000 buruh asing. Sebenarnya bilangan pendatang asing tanpa izin dianggarkan sejumlah lebih 2 juta orang, bukan setakat 781,000 orang asing sahaja.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berpendapat pekerja-pekerja asing adalah hanya untuk sementara sahaja. Usaha-usaha sedang diadakan untuk memperbaiki keadaan. RMT menggalakkan pengeluaran yang lebih berintensifkan modal supaya menjimatkan penggunaan buruh dan dengan itu mengurangkan pergantungan terhadap buruh asing. Ia juga meningkatkan penggunaan tenaga buruh tempatan termasuk meningkatkan penyertaan tenaga kerja wanita dalam pasaran buruh. Sepatutnya tenaga kerja wanita tidak digunakan sebagai alat semata-mata sahaja kerana kita kekurangan tenaga buruh. Ketika ekonomi meleset mungkin tenaga kerja wanita akan dikorbankan nanti, jadi saya berharap perkara ini tidak berlaku.

Selain dari meminda undang-undang yang relevent termasuk Akta Pekerja untuk membolehkan wanita bekerja dengan berkesan, pelbagai perkhidmatan sokongan perlu diadakan contohnya, pusat-pusat bimbingan kanak-kanak dan perkhidmatan serenti domestik.

Teras dan strategi bagi wanita seperti penyediaan peraturan kerja yang lebih anjal dan kemudahan sokongan serta peluang pendidikan dan latihan mestilah dilaksanakan. Struktur kerjaya bagi wanita haruslah diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada di sini mengenai penyelewengan yang dilakukan oleh satu komponen parti Barisan Nasional - ini MCA lah. Saya percaya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tidak akan berbuat demikian. Cuma MCA menggunakan Dewan Orang Ramai di Kampung Baru Balakong sebagai pejabat Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat tiga perenggan mengenai pihak berkuasa tempatan dalam RMT dan sebanyak RM38 juta telah digunakan untuk program rekreasi dan pengindahan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Satu kajian yang menyeluruh akan dilaksanakan bagi mengkaji semula peranan dan fungsi pihak berkuasa tempatan serta perkhidmatan bandar dan kemudahan riadah; Program Kebersihan dan Pengindahan.

Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan masalah untuk pihak berkuasa tempatan setelah Laporan Athi Nahappan lebih dua dekad dahulu. Saya mengharapkan kajian menyeluruh RMT adalah dilaksanakan oleh sebuah badan yang benar-benar bebas, kerana pelbagai kelemahan dan penyelewengan telah berlaku di sesetengah lebih daripada 140 pihak berkuasa tempatan di seluruh Malaysia. Dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mestilah menumpukan perhatian mengenai pihak-pihak berkuasa

tempatan. Misalnya Majlis Daerah Hulu Langat (MDHL) membenarkan MCA mencerobohi Dewan Orang Ramai di Kampung Baru Balakong yang mempunyai kira-kira 3,000 orang penduduk. Pada mulanya MCA mengadakan satu bilik di dalamnya, tetapi pada 10hb. Mei 1996 bilik ini telah diubah suai sehingga memenuhi hampir separuh daripada dewan tersebut dengan papan tanda yang berbunyi "Pusat Perkhidmatan Ahli Parlimen dan ADUN". Menurut para penduduk, dewan ini digunakan sebagai cawangan MCA - tidak bolehlah macam itu. Saya percaya di Kepala Batas pun tidak ada dan di kawasan Yang Amat Berhormat pun tidak ada hal yang sedemikian.

Pada hujung tahun lima puluhan dewan itu telah dibina oleh orang ramai di atas tanah kerajaan setelah pilihan raya majlis tempatan diberhentikan, pada akhir tahun enam puluhan pula dewan itu telah diambil alih oleh MDHL. Dari semasa ke semasa para penduduk di Balakong menggunakan dewan itu untuk majlis jamuan perkahwinan dan sebagainya, jadi patutlah kita undurkan daripada Dewan Orang Ramai ini supaya orang ramai boleh menggunakan, jangan kita mencerobohi lagi. Jadi, inilah satu seruan saya secara ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, pada 11hb. Mei 1996 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menekankan bahawa Malaysia hendaklah mengekalkan sistem demokrasi dengan cara pragmatik untuk kebaikan rakyat dan negara, bukan sebagai satu agama sepertimana yang diamalkan di Barat. Memang kita tidak mahu meniru setengah-setengah amalan seperti sistem kebajikan dan

kesihatan yang mewujudkan mentaliti subsidi dan melemahkan semangat rakyat.

Saya menyeru supaya siasatan yang rapi diadakan untuk mengenalpasti amalan-amalan yang menentang sistem demokrasi dengan cara pragmatik untuk kebaikan rakyat di negara ini. Di semua daerah pencerobohan-pencerobohan seperti dewan orang ramai oleh parti politik dengan apa alasan pun adalah bukan untuk kebaikan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menekankan bahawa walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri di dalam.....

Dato' Hon Choon Kim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Seremban bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Seremban bangun, ada apa-apa masalah kerana masa suntuk?

Dato' Hon Choon Kim: Penjelasan, boleh?

Dr. Tan Seng Giaw: Baik. Saya sebagai demokratik, pendek sahaja, jangan berucap. *[Ketawa]*

Dato' Hon Choon Kim: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberikan saya penjelasan.

Tadi Yang Berhormat menyebutkan sebuah balai raya telah digunakan sebagai pusat perkhidmatan oleh wakil rakyat di kawasan itu. Jadi, adakah

Yang Berhormat berasa terancam kerana MCA memang mengamalkan prinsip untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat, sama ada DAP selama ini tidak langsung membuat kerja, sama ada beliau merasa terancam ataupun tidak kerana dia mesti memberi perkhidmatan yang begitu baik?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya terima pendapat Yang Berhormat. Tetapi saya hendak Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membuat siasatan sendiri termasuk di kawasan Yang Berhormat sama ada berlaku ‘pencerobohan’ sedemikian? Bukan sahaja dewan orang ramai, tetapi padang, tempat kosong, green lance dan sebagainya, kadangkala ada penceroboh-penceroboh.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Padang Terap bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Tuan Yang di-Pertua, membetulkan istilah, dia mengatakan perkataan ‘pencerobohan’. ‘Pencerobohan’ ini selalunya dikaitkan dengan perbuatan yang tidak baik. Di dalam masa yang sama dia mengatakan MCA memberikan perkhidmatan kepada rakyat di balai raya itu, jadi yang mana satu ‘khidmat’ atau ‘pencerobohan’? Yang Berhormat janganlah keliru di dalam istilah

tersebut. Jadi, adakah Yang Berhormat setuju? Ini soalan. Duduk dahulu, duduk dahulu.....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya beri dia peluang, dia suruh saya duduk, macam mana, hai!.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Yang Berhormat kena duduk dahulu.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Adakah Yang Berhormat setuju bahawa apa yang dibuat oleh MCA itu adalah satu sumbangan perkhidmatan kepada rakyat. Adakah Yang Berhormat bersetuju, dahulu Yang Berhormat mengatakan bahawa kebanyakan balai raya digunakan oleh kambing, jadi yang mana lagi baik digunakan oleh kambing atau digunakan oleh MCA untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap mungkin dewannya dimasuki oleh kambing, tetapi di Balakong tidak ada, satu ekor pun tidak ada. Kalau kambing jenis lain saya tidak tahu.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, patut.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakan kursus untuk mengetahui apakah hak-hak sivik dan sebagainya. Ini

patut, kerana sejak pilihan raya majlis tempatan diberhentikan, pendidikan seperti ini tidak ada lagi, sehingga Padang Terap pun tidak begitu faham....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia bangun buat apa? Di Balakong tidak ada kambing masuk ke dalam dewan - di Padang Terap ada.

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Yang lain pula. Mengenai dengan hak-hak sivik. Saya hendak bertanya dia hak-hak sivik apa yang dimaksudkan, kalau MCA menjadi wakil kepada kawasan Balakong, hak-hak sivik untuk MCA menggunakan balai raya itu adalah wujud. Begitu juga PAS memerintah negeri Kelantan sekarang, PAS menggunakan semua balai raya sehingga UMNO minta pun tak boleh. Jadi, adakah Yang Berhormat bersetuju, sesiapa yang mewakili sesuatu kawasan berhak menggunakan balai raya, ataupun mana-mana tempat penumpuan rakyat yang dibina oleh kerajaan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalnya biasanya dewan ini digunakan oleh para penduduk untuk majlis jamuan perkahwinan dan sebagainya. Sekarang separuh dicerobohi oleh pihak jenis ini. Macam mana pihak orang ramai boleh menggunakan sebagai tempat untuk majlis jamuan perkahwinan lagi, tidak boleh. Saya pun percaya Tuan Yang di-Pertua pun tidak berbuat demikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Dia kata itu dewan orang ramai, kita tak payah mencerobohi, biarkan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, apa hubungkaitnya dengan Kerusi, Yang Berhormat?

Dato' Dr. Affiuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat dari Kepong setuju kalau saya katakan Yang Berhormat dari Kepong mempunyai satu pandangan yang 'perverted' di dalam hal ini. Kerana kalau wakil rakyat MCA menggunakan dewan itu, beliau memberi khidmat kepada semua rakyat, termasuk orang-orang DAP, apa salahnya. Jadi, dia kata 'jenis ini', iaitu dia mendiskriminasikan orang MCA dengan orang DAP. Jadi, apakah Yang Berhormat bersetuju bahawa wakil rakyat MCA itu boleh memberi khidmat kepada orang-orang DAP termasuk orang-orang Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang menggunakan 'kambing' itu Yang Berhormat dari Padang Terap juga, bukan saya. Itu masalah sekarang. Masyarakat madani bukan kita hendak ceroboh dewan-dewan orang ramai sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak lagi, termasuk perkara-perkara untuk Kementerian Kewangan.

Walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mengatakan penutupan satu tapak pelupusan sampah di Jinjang

Utara, tetapi itu yang pertama sahaja. Yang kedua, iaitu di Jinjang Utara juga, tetapi nama dia tukarlah. Dia biasa tukar nama, tetapi tempat itu yang hampir sama sahajalah. Tapak yang kedua itu, bila ditutupkan? Itu saya hendak tahu.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tapak yang kedua apa namanya?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya.

Datuk Dr. Ibrahim bin Saad: Tapak yang kedua apa namanya?

Dr. Tan Seng Giaw: Namanya Taman Beringin. Dia kata dia hendak beringin juga. Tetapi Taman Beringin pun ada, atau taman ingin atau apa sahaja di Jinjang Utara juga, dan menjejaskan para penduduk di situ juga. Ini masalahnya. Tetapi Walau bagaimanapun, saya bersimpati dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri juga kerana beliau menghadapi kesusahan, di mana hendak buang sampah 3,000 tan sehari daripada Kuala Lumpur. Patut kita bawa pergi ke Padang Terap, baru dia tahu. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Affifuddin bin Haji Omar: Terlalu jauh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya rasa itu angkara namanya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap HICOM tidak akan meniru cara-cara Indah Water Konsortium untuk mengutip bayaran daripada rakyat dengan cara yang tidak disetujui. Saya mendesak supaya kedua-dua tapak tersebut ditutupkan seperti yang dijanjikan. Kita cari cara yang lain. Saya diberitahu bahawa kalau HICOM mengadakan pembakar atau

incinerator pun, ia akan mengambil masa tiga tahun. Ini bermakna tapak sampah tersebut akan dibukakan sehingga dua ataupun tiga tahun akan datang, walaupun ada usaha untuk membuka jalan daripada belakang. Perkiraan belakang ini pun tak boleh diterima, kerana sampah ditimbunkan di situ juga. Ini masalahnya.

Saya diberitahu akan dibina pagar yang tinggi dan ditanam pokok-pokok, ini pun tak akan menyelesaikan masalah.

Beberapa Ahli: *[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ahli-ahli Yang Berhormat nak kacau pun tak boleh, kerana siapa yang kacau, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mengenal pasti siapa yang kacau, kita buang semua sampah sarap ke kawasan mereka. *[Ketawa]* Jangan kacau sekali, buang sampah sarap kepada kawasannya. Ini caranya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencadangkan Kementerian Kewangan sekarang mengadakan kajian menyeluruh terhadap pengagihan perolehan 'earning' upah-upah dan gaji-gaji. 'Earning' bermakna 'wages and salaries' dari tahun 1970 sampai sekarang "a comprehensive survey on the distribution of earnings, wages and salaries from 1970 until now." Yang Berhormat dari Padang Terap saya berharap dapat mengambil perhatian yang cukup.

Menurut RMK-7, di samping berlakunya peningkatan yang jelas dalam pendapatan purata isi rumah rakyat Malaysia, ketidaksamaan pendapatan 'income' di antara kumpulan telah meluas sedikit, walaupun kerajaan telah berjanji bahawa ia akan mengambil langkah sewajarnya untuk menangani ketidaksamaan pendapatan, masih wujudnya kelemahan-kelemahan. Kami menekankan bahawa kita mestilah mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan ketidaksamaan pendapatan dan perolehan, earning serta ketidakseimbangan masyarakat. Langkah-langkah yang berkesan hendaklah diambil untuk mengatasi faktor-faktor ini tanpa menjejaskan mana-mana pihak.

Penakrifan garis kemiskinan menimbulkan kontroversi. Garis RMK-7 terus berkisar kepada pendapatan isi rumah, famali atau keluarga. Seseengah berkisar kepada pemulih berputar, pemulih bertumpu pada pemulih semua pun boleh belaka. Pemusar pun boleh. Seseengah isi rumah mempunyai dua atau lebih orang yang mencari perolehan, seseengah mempunyai satu orang dan seseengah tidak ada, seperti penganggur, bekerja sendiri atau bersara. RMK-7 kurang mengambil kira perbezaan garis kemiskinan antara bandar dan luar bandar serta antara wilayah. Sudah tentu penakrifan garis kemiskinan bandar dan luar bandar adalah tidak serupa. Misalnya, RMK-7 masih menggunakan garis kemiskinan sebagai sebuah isi rumah berpendapatan tidak lebih daripada RM400 sebulan. Perubahan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, masa sudah suntuk.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Setiap orang 20 minit sahaja, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan gulunglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya. Secepat mungkin.

Dr. Tan Seng Giaw: Secepat mungkin, ya. Saya berharap pihak kerajaan akan mengadakan kajian yang saya sebutkan tadi untuk pendapatan, untuk earnings untuk semua kawasan dan semua masyarakat di Malaysia.

Juga sebelum saya akhiri ucapan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak kerajaan akan umumkan satu jadual untuk mengurangkan perlindungan cukai industri automatif Malaysia dan pelan tindakan untuk mengukuhkan industri-industri termasuk industri automatis, kerana perlindungan yang diberi kepada industri automatis termasuk Proton adalah sangat banyak, termasuk perbezaan di antara duti eksais dan cukai jualan yang kira-kira lebih RM10 ribu setiap kereta yang saiznya sama atau hampir sama. Ini bermakna perlindungan ini tak boleh dikekalkan. Tambah pula di banyak negara termasuk Singapura baru-baru ini mereka mengambil langkah untuk membebaskan telekomunikasi. Ada tujuh tahun lagi kontrak, dia tamatkan dan

memberi pampasan supaya bidang komunikasi dibuka dengan bebas kepada syarikat-syarikat.

Dan pihak Singapura dan negara-negara lain berbuat demikian dan di negara ini kita hendak masuk ke pasaran dunia, termasuk di pasaran Amerika Syarikat, satu unit Proton pun tidak masuk ke Amerika Syarikat yang merupakan pasaran kereta yang terbesar di dunia. Bagaimana kita dapat menembusi pasaran-pasaran ini kalau kita masih ada perlindungan cukai ke atas kereta di bidang automatif Malaysia. Kita patut umumkan jadual, mungkin pada tahun 2000 atau 2005, kita tamatkan semua perlindungan ini supaya kita dapat bersaing dengan negara-negara lain. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kubang Kerian.

4.01 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di permulaan Rancangan Lima Tahun Keenam, belanjawan yang dikemukakan bertemakan belanjawan untuk mewujudkan masyarakat penyayang. Kemudian selepas itu program-program kerajaan di highlightkan soal mewujudkan soal masyarakat penyayang, tetapi kita lihat, di penghujung Rancangan Lima Tahun Keenam masyarakat penyayang tidak wujud dengan baik, bahkan kita lihat apa yang berlaku dalam masyarakat semakin parah. Masalah dadah tidak dapat diselesaikan dan Pengerusi

Pemadam mengakui bahawa Pemadam gagal untuk mengatasi masalah dadah - 80% mereka yang dimasukkan ke pusat serenti, bila tamat kursus mereka balik semula ke alam dadah.

Kegagalan 80% adalah kegagalan yang cukup nyata. Begitulah juga penyakit-penyakit masyarakat yang lain. Penambahan pengidap penyakit AIDS yang menurut Universiti Sains Malaysia sekarang sudahpun menjangkau angka ke 100,000 pengidap dan juga mereka yang ada tanda-tanda penyakit AIDS. Begitulah juga dengan soal buang anak, keganasan rumahtangga - tidak juga berkurangan. Ini bererti bahawa Belanjawan Masyarakat Penyayang yang dikemukakan pada awal RMK-6, ianya tidak mendatangkan kesan yang baik kepada masyarakat. Kerajaan mesti bersungguh-sungguh dalam RMK-7 ini memerah otak dan fikiran bagaimana hendak mengatasi masalah ini. Masalah dadah, Aids, keganasan rumahtangga, bukan masalah parti-parti politik tetapi ia masalah masyarakat yang perlu kita akui bahawa kita gagal menyelesaikan dalam Rancangan Lima Tahun Keenam atau dalam dekad yang lalu. Marilah kita berazam dalam RMK-7 ini, kita mencari jalan untuk menyelesaikan perkara ini, kalau tidak diselesaikan pun, dikurangkan ke tahap yang boleh membanggakan kita.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan ekonomi Malaysia kadar yang cukup baik angara 7% - 10% - satu perkembangan yang dicatitkan sebagai membanggakan kita. Tetapi kita lihat bantuan untuk orang-orang yang tidak

berupaya masih lagi di tahap lama. Kalau kita ke Jalan Tuanku Abdul Rahman atau ke lain-lain tempat kita masih lihat orang-orang yang tidak berpenglihatan masih lagi mencari rezki secara menyanyi, bermain muzik dan sebagainya. Peningkatan ekonomi yang begitu hebat, kenapa kerajaan tidak menambahkan peruntukan kepada mereka, misalnya mereka yang tidak dapat melihat dan tidak berupaya itu kita beri RM500 sebulan kepada mereka, kemudia kalau mereka hendak mencari pendapatan tambahan, itu adalah hak mereka. Kerajaan yang kaya ini tidak menaikkan kebajikan kepada rakyat - ini satu perkara yang perlu direnung sekarang ini kerana kita lihat orang-orang yang tidak berpenglihatan selalu mengadu kepada kita, sedangkan negara-negara Barat yang kita kecam, ada perkara-perkara yang tidak baik yang mereka lakukan, tetapi kita kena akui kebajikan kepada orang cacat di negara-negara mereka amatlah membanggakan kita.

Kita bukan hendak tiru semua apa yang dibuat di Barat, tetapi untuk orang yang tidak berupaya kita kena akui di Barat mereka lebih memberi bantuan dengan baik kepada mereka. Di sini kita membiarkan orang-orang yang dijadikan oleh Allah sebagai cacat, tetapi kita tidak pedulikan mereka, bahkan bantuan kepada mereka tidaklah sehebat mana. Ucapan Perdana Menteri membanggakan Twin Tower, membanggakan KLIA dan lain-lain lagi, kita juga turut bangga tetapi apa ertinya Twin Tower yang orang cacat

penglihatan tidak dapat lihat, tetapi yang dia tahu negara sedang maju, dia terus hidup merempat.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita lihat dalam negara kita sekarang, walaupun ada tuduhan mengatakan rasuah tinggi - di tempat yang ke-23, walaupun kita cuba nafikan, tetapi dengan ketara kita boleh lihat perkara ini. Korea - negara yang duduk tempat ke-27 dalam senarai rasuah yang dibuat oleh badan tertentu, mereka bertindak kepada bekas-bekas Presiden mereka sendiri, didakwa di mahkamah, walaupun mereka di tempat ke-27, tetapi kita di tempat yang ke-23, kita lihat tindakan-tindakan kepada mereka ini - orang-orang besarnya seolah-olah tidak ada. Zaman 3 Perdana Menteri dahulu, ada menteri-menteri terpaksa didakwa di mahkamah dan didapati bersalah, terpaksa masuk jel, di antaranya Dato' Ahmad Said, Dato' Harun, kemudian Menteri Belia dan Sukan - Dato' Mokhtar Hashim, begitulah juga Dato' Abdul Rahman Talib, mereka yang merogol orang seperti Haji Hanafi Sidam - semuanya mereka didakwa dan dibicarakan secara terbuka.

Zaman Perdana Menteri sekarang, menteri dan menteri-menteri besar seolah-olah maksum, walaupun kita lihat politik wang didedahkan begitu hebat tetapi tidak ada seorang pun didakwa kerana rasuah atau penyelewengan. Inilah pelik bin ajaib di dalam pemerintahan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita dikejutkan dengan surat layang yang ditulis oleh siapa - kita tidak ketahui, tetapi sampai sekarang kerajaan

teragak-agak untuk mendakwa orang yang menulis surat layang. Kerajaan sepatutnya berani mendakwa kalau orang yang menulis surat layang itu mencemarkan kedaulatan undang-undang Malaysia. Sekarang kedaulatan undang-undang Malaysia dipertikaikan oleh semua pihak, termasuk yang terbaru, yang teredar di seluruh dunia, iaitu Majalah *Asiaweek* yang mempersendakan perundangan dan undang-undang keadilan di Malaysia. Kerajaan hanya hendak siasat orang yang menyebarkan surat layang, tetapi kenapa mereka tidak mahu mendakwa orang yang menulis surat layang? Ianya menjadi bertambah-tambah kehairanan kepada kita, apakah kerajaan takut seperti dakwaan terhadap Haslinda Marican dan rakan-rakannya? Maka terbongkar satu sindiket besar pelacuran di mana nama-nama artis ternama disebut dan nama-nama orang yang ternama disebut. Ini baru satu perkara didedahkan di mahkamah. Apakah mereka bimbang jikalau orang yang menulis surat layang itu didakwa di mahkamah, maka akan terbongkar skandal yang lebih besar, penyelewengan-penyelewengan yang berlaku selama ini?

Bila politik wang melanda pemimpin-pemimpin politik, ia juga melanda para hakim, walaupun yang dikatakan terlibat sedikit, tetapi, walaupun sedikit kalay yang terlibat itu hakim, ia mendatangkan kesan yang cukup berat kepada negara. Politik wang juga berlaku kepada pasukan bolasepak. Misalnya sekarang minat orang untuk menonton bolasepak telah menurun kerana mereka agak sebarang permainan diatur lebih awal. Misalnya sekarang Negeri

Sembilan duduk di tangga teratas, orang tidak percaya, walaupun pemain Negeri Sembilan bermain sungguh-sungguh. Tetapi orang menganggap itu hanyalah caturan kerana pemain-pemain bola boleh dibeli dan ditawarkan dengan harga tertentu untuk mereka mengalahkan atau memenangkan sesuatu permainan.

Begitulah juga gejala rasuah yang berlaku dalam anggota polis sehingga imej polis sekarang begitu rendah sekali. Ketua Polis Negara sendiri telah merungut dengan keadaan ini, bagaimana imej polis sekarang telah dibuat kajian, begitu ramai orang tidak suka kepada polis, bukan di atas sifat ketegasan mereka, sebab saya sendiri berpengalaman berkali-kali. Kalau saya tumpang kereta besar, kalau ditahan dalam speed trap - selalunya terlepas, tetapi kalau saya naik kereta buruk saya, Toyota misalnya, atau Datsun buruk, selalunya payah lepas bila naik kereta buruk. Jadi, ini kita lihat dan juga kita lihat mutakhir ini didedahkan juga bagaimana pasukan polis, anggota polis menjual senjata, ini satu perkara yang cukup besar yang berlaku kepada anggota keselamatan kita.

Paling malang lagi, 3 hari lepas ketika saya berada di Kedah, dilaporkan pula bahawa ada anggota polis yang curi lembu di Kampung Sekarak dengan menggunakan truck PPH dan bila orang kampung nampak polis yang berbuat demikian, dia tahan motor tersebut dan di lemparkan plat ke dalam hutan - ini berlaku dan polis berkenaan sedang ditahan untuk disiasat sekarang.

Kita tidak boleh mengeluh keadaan ini, kerajaan mesti mengambil sikap yang cukup peka dalam masalah ini, sebab anggota polis termasuklah saudara-saudara kita, kita mesti naikkan balik maruah dan martabat mereka seperti selepas merdeka, di mana pasukan keselamatan sama ada polis dan tentera amat dibanggakan oleh penduduk-penduduk Malaysia, bahkan mereka berangan-angan untuk menjadikan tentera dan polis menantu mereka. Tetapi sekarang, imej, maruah polis begitu rendah sekali. Kita tidak boleh mengutuk anggota polis dengan begitu sahaja. Kerajaan mesti bertindak tegas dalam hendak membersihkan maruah mereka dan juga menaikkan balik maruah mereka, usaha mesti dicari kenapa berlaku sebegini rupa sekarang ini. Tidak lain, bila politik wang telah melanda, maka ia melanda keseluruhan negara sekarang ini dan ia boleh membawa keruntuhan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, polis juga menghadapi tekanan emotional, kita tahu mereka bekerja 'on calls' 24 jam. Mereka melihat pembangunan negara yang begitu pesat, mereka melihat orang-orang politik kaya-raya dengan begitu cepat, sudah tentulah ada tekanan perasaan kepada mereka. Mereka juga ingin kaya, jalan lain tidak ada, maka mereka terpaksa melalui jalan-jalan yang tidak betul.

Oleh itu, kerajaan hendaklah menyemak semua soal gaji mereka, soal perasaan mereka dan lain-lain lagi, supaya maruah pasukan keselamatan dapat

diangkat dan martabat mereka dapat diperbetulkan, dapat diangkat kembali di tanah air kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga mahu melihat pembangunan berjalan dengan baik, tidak ada diskriminasi di antara negeri-negeri. Saya terkejut baru-baru ini, walaupun telah berkali-kali telah diumumkan tetapi tidak juga diselesaikan, wakil rakyat Parit Sulong masih mengadu iaitu jalan ke rumahnya masih tidak diturap. Bukan sahaja di kampungnya bahkan di kampung-kampung lain, jalan-jalan raya masih banyak lagi dan jalan-jalan kampung tidak diturap. Begitulah juga kita lihat yang peliknya negeri seperti Johor, negeri yang agak kaya tetapi masalah-masalah ini tetap juga timbul.

Di Kelantan pun, masalah itu tentulah lebih buruk lagi kerana kita tahu bahawa kerajaannya tidaklah sekaya negeri Johor, oleh itu, Kerajaan Pusat mesti mengambil perhatian soal jalan-jalan kampung di seluruh negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita dibanggakan dengan twin tower, dengan KLIA dan lain-lain lagi kejayaan negara kita, tetapi orang-orang desa hanya memerhatikan benda-benda seperti itu dalam televisyen dan mereka lihat di sekeliling mereka pembangunan tidaklah sehebat mana.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini, telah diadakan majlis menandatangani perjanjian di antara Kerajaan Kelantan (SIDC) dengan KUB iaitu soal

pendaratan minyak di negeri Kelantan, untuk mengeluarkan gas dan sebagainya.

Kerajaan Kelantan bersama dengan KUB, kita harap ianya menjadi satu usaha sama yang akan berjaya pada masa yang akan datang, walaupun banyak syarikat yang menawarkan tetapi Kerajaan Kelantan memilih KUB, walaupun kita tahu KUB itu dianggotai kebanyakannya oleh orang-orang UMNO, lembaga pengarahnya orang UMNO tetapi, demi kerjasama dan juga syarikat bumiputera yang kita anggap berjaya, maka Kerajaan Kelantan bersama KUB akan memajukan soal pengeluaran gas yang akan didaratkan di negeri Kelantan.

Begitulah juga kita harap, kesilapan yang berlaku di Terengganu tidak berulang di Kelantan. Kita harap pekerja-pekerja diutamakan penduduk-penduduk Kelantan terlebih dahulu dalam menjayakan program pengeluaran gas dan juga pengedaran gas keseluruh negara yang diusahakan oleh SIDC dengan KUB pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam negara mencapai kemajuan, kita lihat penyelewengan rasuah berlaku, ada yang diambil tindakan dan ada yang tidak diambil tindakan. Kita tidak mahu misalnya kes penyelewengan hanya timbul menjelang Perhimpunan Agung UMNO atau menjelang pemilihan dalam parti. Selepas itu, penyelewengan itu, kita tidak dengar lagi dibincangkan. Misalnya sekarang masalah Perwaja. Seolah-olah ada dua pandangan yang mengatakan bahawa Perwaja ada penyelewengan, diakui oleh Timbalan Perdana Menteri

dalam Parlimen ini - ada penyelewengan. Tetapi, ada satu pihak mengatakan bahawa belum dibuktikan penyelewengan. Kita orang luar, nampak seolah-olah ada pertembungan antara Timbalan Perdana Menteri dengan Perdana Menteri. Bagi kita, ada pertembungan atau tidak ada pertembungan - itu tidak penting, yang penting orang yang melakukan penyelewengan mesti didakwa dan dihadapkan ke mahkamah, itu bagi kita rakyat dan juga pihak pembangkang. Soal bertembung atau tidak bertembung antara mereka, bagi kita itu tidaklah penting.

Begitulah juga kes saham yang dibahagikan oleh Menteri MITI, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sekarang ini muncul semula kerana katanya, bahawa kerana ia akan dicabar sebagai ketua wanita, maka keluarlah cerita-cerita saham dan sebagainya. Bagi kita soal pertandingan tidak penting, tetapi pembahagian saham yang tidak betul, mesti didakwa di mahkamah dan biar mahkamah memutuskan segala bentuk keadilan. Keadilan perlu diberi kepada mereka yang dituduh untuk membela diri. Tetapi sekarang ianya timbul semata-mata dekat dengan perhimpunan, bukan niat kerajaan untuk menyelesaikan masalah penyelewengan dan masalah rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat dalam Rancangan Malaysia Keenam, pembangunan begitu pesat, tetapi apa yang berlaku, bumiputera, orang-orang Melayu khususnya, menganggap ataupun merasakan satu perkara yang tidak baik berlaku kepada mereka terutama soal pengambilan tanah yang berlaku secara

berleluasa dan mereka tidak dapat bersama menikmati pembangunan yang datang ke tempat mereka.

Ini berlaku misalnya, di Langkawi dan juga pesisiran pantai daripada Kuala Muda ke Sanglang di mana kawasan-kawasan ini tanah diambil tetapi kita lihat orang-orang tempatan tidak dapat bersama menikmati pembangunan yang datang ke tempat mereka. Perkara ini mesti disusun semula dalam Rancangan Malaysia Ketujuh pada masa yang akan datang.

Begitulah juga kita lihat komitmen kerajaan untuk membantu bumiputera, satu demi satu sekarang telah berkurangan, misalnya baru-baru ini berlaku pengkorporatan UDA. UDA akan dikorporatkan, SIRIM diswastakan atau dikorporatkan, penswastaaan hospital dan lain-lain lagi, kita lihat semuanya ini dalam jangka masa panjang, orang Melayu dan bumiputera akan mengalami kepayahan dalam hendak memasuki arena perniagaan. Misalnya, kita lihat, bila berlaku penswastaaan ataupun pengkorporatan UDA, sudah tentu UDA akan bersaing di pasaran terbuka, harga bangunan akan mahal, harga bangunan yang dibuat untuk disewa dengan harga yang mahal, sudah tentu bumiputera tidak mampu untuk bersaing di pasaran terbuka. Kenapa kerajaan malu untuk terus membantu bumiputera? Kenapa kerajaan berasa segan untuk terus membimbing bumiputera? Sedangkan kita tahu, bumiputera dalam perniagaan masih lagi di peringkat awal, di peringkat percubaan mereka untuk cebur diri dalam perniagaan melainkan bumiputera yang berjaya, itupun kita lihat bukan saingan yang sihat, mereka yang dianugerahkan projek-projek atau saham-saham tertentu, mereka berjaya. Tetapi, dalam persaingan yang sihat, bumiputera masih lagi di peringkat awal. Begitulah juga, kita lihat semuanya ini akan menyebabkan bumiputera tertinggal ke belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Sudah gulung ya! Perkara yang saya ingin saya ingatkan juga iaitu pengurangan peruntukan kepada MARA. Saya merayu lagi sekali supaya kalau ada penyelewengan dalam MARA, sila siasat dan dakwa orang yang melakukan penyelewengan. Kita tidak mahu apa yang berlaku dalam MARA, tuduh menuduh! Tuduh menuduh pengerusi dahulu, tuduh menuduh pengerusi sekarang sedangkan yang akan susah dan menderita ialah bumiputera terbanyak. Kenapa dikurangkan peruntukan kepada MARA sedangkan MARA masih memerlukan peruntukan yang banyak untuk membantu bumiputera khususnya dalam bidang pelajaran. Peruntukan patut ditambah oleh kerajaan bukan dikurangkan dengan kerajaan mesti bersikap tegas kalau ada penyelewengan yang dilakukan oleh pengerusi-pengerusi MARA yang dahulu ataupun lembaga-lembaga pengarah MARA yang dahulu, sila siasat, dakwa mereka di mahkamah dan kerajaan mesti menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengeluarkan satu kenyataan yang terperinci tentang kedudukan MARA dengan pada masa yang sama dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini setiap tahun kerajaan mesti menambah peruntukan kepada MARA, bukan mengurangkan peruntukan kepada MARA kerana itulah di antara satu-satu badan yang bumiputera bergantung dalam perniagaan dan pelajaran pada masa sekarang dan pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kapit.

4.22 ptg.

Tuan James Jimbun Anak Punga [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak pengundi P188 Kapit, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan yang mulia ini.

Rancangan Malaysia Ketujuh telah jelas menggariskan arah kerajaan Barisan Nasional membawa pembangunan negara lima tahun akan datang dalam usaha kita melangkah ke abad 21. Rancangan Malaysia Ketujuh bukti nyata bahawa langkah berani serta pandangan jauh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai pemimpin yang kita kasihi. Rancangan Malaysia Ketujuh adalah bukti azam kerajaan Barisan Nasional terus membangun negara ke arah pencapaian Wawasan 2020. Ianya adalah tepat pada masa kerana dalam dunia yang serba canggih dan dalam zaman teknologi maklumat, rakyat harus digerak untuk menyediakan diri untuk menghadapi keadaan modalist world, dengan izin, kerana dalam keadaan itu hanya mereka yang bersedia dan mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman mampu menghadapi keadaan abad ke-21 yang paling mencabar.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat desa dari negeri Sarawak berterima kasih kepada kerajaan Barisan Nasional atas rancangan untuk memerangi

kemiskinan. Rakyat desa telah memberi kepercayaan kepada Barisan Nasional supaya terus membela nasib mereka. Ini tidak sia-sia kerana ianya nyata digaris dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di kawasan Parlimen Kapit yang diwakili oleh saya amat berterima kepada kerajaan Barisan Nasional yang telah bermurah hati memperuntukkan sejumlah wang yang begitu banyak khas untuk pendidikan negara. Saya yakin dengan adanya peruntukan sebanyak itu akan dapat mengatasi masalah yang sedang melanda kebanyakan institusi pendidikan khususnya di luar bandar dan pedalaman di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Kapit adalah merupakan satu kawasan yang amat luas sekali. Di kawasan ini adalah terkenal dengan pengeluaran bahan mentah terutama kayu balak. Selain dari itu bahagian Kapit juga akan menjadi tempat pembinaan projek gergasi, ianya Projek Hidro Bakun. Projek ini telah kita ketahui menelan belanja berbilion ringgit. Oleh itu sudah pastilah projek ini menjadi tumpuan umum khususnya bahagian Kapit. Justeru itu, rakyat di kawasan ini amatlah mengharapkan sesuatu pulangan yang dapat menaikkan taraf kehidupan mereka. Namun demikian, taraf hidup yang sempurna tidak akan dicapai oleh penduduk di kawasan Kapit sekiranya pendidikan penduduk di sini tidak diberi perhatian dan masalah tidak diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, renekan ini amatlah penting menjelang tahun 2020 nanti. Di sini saya memaklumkan kepada seluruh Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini bagi pendidikan masyarakat bahagian Kapit jauh ketinggalan. Mereka juga jauh daripada arus pembangunan, infrastruktur dan sumber manusia. Oleh itu, saya merayu kepada Kementerian Pendidikan renung jauh dan mencongak apakah kesannya terhadap penduduk di pedalaman di Sarawak. Saya yakin, mereka di kawasan saya juga inginkan sesuatu kehidupan yang harmonis dan berbahagia.

Adalah perlu mereka ini diberikan peruntukan untuk membangunkan kawasan ini dari pendidikan, infrastruktur dan sumber manusia. Ini amatlah perlu kerana kawasan ini akan dijadikan tempat pembinaan Projek Hidro Bakun. Oleh kerana kawasan ini adalah di antara kawasan yang menyumbang kepada ekonomi negara, jadi kawasan yang serupa ini tidak seharusnya ketinggalan dari semua pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk di sini bukan sahaja tidak dibangunkan, malah mereka menghadapi krisis pendidikan yang serius. Ini dapat dirasai kerana peratus keciciran pelajar amatlah tinggi. Masalah keciciran ini berlaku kerana ramai ibu bapa tidak berkemampuan menanggung perbelanjaan persekolahan dan memberi galakan yang positif kepada anak mereka. Masalah pelajar belajar dalam keadaan persekitaran sekolah yang tidak selesa kerana

kurangnya bekalan infrastruktur dan bangunan sekolah yang kurang mampu menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat setiap tahun.

Kalau kita meninjau sendiri kita dapat melihat bangunan-bangunan sekolah yang sedang uzur yang memerlukan pembaikan yang maksimum. Namun demikian, ada juga bangunan sekolah yang masih elok, tetapi tidak cukup bagi menampung jumlah pelajar yang ramai. Umpamanya di Sekolah Menengah Kerajaan Selerek, Kapit, bilik asrama yang disediakan untuk 600 orang pelajar sahaja tetapi pengundinya sekarang sehingga 1,226 orang. Ini menimbulkan masalah sempit dan tidak selesa bagi pelajar yang mendiaminya. Bilik kelas mereka juga tidak cukup kerana pada masa sekarang jumlah pelajar meningkat sehingga 1,553 orang kerana jumlah bilik kelas sekarang hanya mampu menampung 800 orang pelajar sahaja. Jelas di sini bahawa ketidakselesaian tempat belajar berlaku. Masalah ini bukan setakat itu sahaja, malah berlarutan kerana tidak cukup bekalan alat-alat pembelajaran, bekalan dan kemudahan fizikal seperti tempat permainan yang tidak mencukupi. Ini adalah di antara faktor-faktor yang menyebabkan minat pelajar untuk terus ke sekolah pudar. Oleh itu seharusnya kawasan ini diberi peruntukan yang lebih bagi membantu dan membangunkan pendidikan masyarakat di bahagian ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu saya mencadangkan supaya kemudahan fizikal seperti rumah guru, bilik kelas, dewan makan, asrama, gelanggang

permainan dan kemudahan peralatan pelajaran yang lebih canggih perlu dibekalkan mengikut keperluan semasa dan selaras dengan jumlah pelajar yang menuntut bagi setiap sekolah di negeri Sarawak khasnya bahagian Kapit. Bangunan-bangunan yang lama dan nampak uzur perlu dibaikpulih dan dinaikkan taraf supaya ianya selaras dengan tuntutan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, semua sekolah, tidak kira sekolah menengah atau sekolah rendah hendaklah disediakan dengan kemudahan pembinaan yang cukup, sesuai bagi keperluan pelajar di situ supaya dapat mereka gunakan dan dapat menarik minat mereka belajar.

Sehubungan dengan itu, saya juga berpendapat bahawa sekolah yang dikategorikan sebagai di bawah enrolment perlulah dipusatkan dan dinamakan sebagai sekolah pusat. Sekolah jenis ini, jika dilaksanakan akan dapat memberi manfaat kepada penduduknya kerana dapat menyalurkan peruntukan yang lebih banyak untuk membangunkan sekolah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya sekolah-sekolah di luar bandar dan jauh di pedalaman diberikan peruntukan untuk pembelian alat pengajaran dan pembelajaran yang terkini dan berteknologi tinggi. Bahan-bahan bacaan yang banyak perlu diberikan kepada sekolah-sekolah tersebut. Pembekalan alat-alat yang baik dan canggih seperti alat-alat berteknologi tinggi akan dapat membantu masyarakat luar bandar mengenali

teknologi moden. Ini adalah selaras dengan usaha kita menjanakan Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk di kawasan pedalaman terdiri dari pelbagai etnik. Mereka ini menjalani budaya hidup dan kerja yang berbeza. Namun demikian, mereka tetap hidup aman tanpa sebarang persengketaan. Penduduk-penduduk di kawasan ini amatlah bergantung kepada industri balak. Pendapatan mereka daripada industri balak ini tidaklah stabil. Ini kerana tindakan oleh pihak berkuasa yang menghadkan pengeluaran kayu balak. Tambahan pula sumber balak semakin berkurangan. Sekiranya fenomena ini berlarutan, maka susur ekonomi mereka akan terjejas.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya kerajaan membuat perancangan terhadap susur ekonomi mereka dan kesannya terhadap penduduk di kawasan ini. Kemudian, kerajaan perlu menyediakan pelan induk bagi mewujudkan satu sistem penyusunan semula masyarakat di bahagian pedalaman.

Di sini dicadangkan supaya sistem pembangunan berpusat atau rural growth centre, dengan izin. Pusat ini akan menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur yang mana nanti dapat menaikkan taraf ekonomi mereka yang tinggal di dalam pusat tersebut. Umpamanya nanti, pusat ini akan menyediakan pelbagai perkhidmatan seperti sekolah vokasional, sekolah latihan kemahiran

industri dan lain-lain kemudahan yang difikirkan perlu. Pusat ini nanti akan melahirkan satu masyarakat yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, bentuk geografi kawasan Bahagian Kapit ini adalah berbukit-bukau dan mempunyai rangkaian sungai yang didiami oleh pelbagai spesis ikan air tawar. Salah satu daripadanya ialah spesis ikan impurau. Spesis ikan ini amatlah baik dan bermutu. Harga pasarannya juga amat baik. Sekilogram harganya RM180.

Jika usaha menjadikan ikan ini dikomersilkan, ia dapat memberi pulangan yang baik kepada nelayan air tawar di kawasan ini. Memandangkan ianya dapat menyumbangkan kepada ekonomi mereka di kawasan yang saya wakili, maka saya berharap dan mencadangkan kepada Kementerian Pertanian supaya dibuat satu kajian mengenai spesis ikan impurau ini. Kajian ini hendaklah meliputi cara-cara membiak anak-anak ikan impurau dan penternakan ikan yang saintifik dan komersil. Kajian ini perlu kerana pada masa sekarang spesis ikan impurau berkurangan dan mungkin satu hari nanti akan pupus. Jika kajian ini dapat dilakukan, maka ianya dapat membantu menaikkan taraf hidup masyarakat di kawasan Sungai Rejang dan Sungai Baleh, sekali gus dapat membantu kerajaan memerangi kadar kemiskinan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya yang telah saya jelaskan di atas tadi bahawa Bahagian Kapit amatlah luas dan taburan penduduknya juga tidak

sistematik iaitu jauh dan terpisah. Mereka perlu dihubungkan dengan bandar-bandar utama kerana ia dapat membantu mereka membangun. Pada dewasa ini, mereka hanya dihubungkan dengan sistem pengangkutan air melalui Sungai Rejang. Sistem pengangkutan ini agak kurang berkesan dan proses pembangunan pun lambat. Oleh itu, pelaksanaan pembangunan agak sukar.

Memandangkan sistem perhubungan yang sedia kurang efisien, maka masyarakat di kawasan ini perlukan sistem perhubungan yang lebih efisien dan moden. Sistem perhubungan yang moden akan dapat mendasarkan pembangunan di kawasan ini dengan lebih cepat. Justeru itu, saya berharap agar Kementerian Kerja Raya dapat meluluskan peruntukan pembinaan jalan raya bagi menghubungkan Bahagian Kapit dengan bandar-bandar utama di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu, jalan raya tersebut bolehlah dibina dengan menyambungkan jalan raya Persekutuan yang wujud pada masa ini iaitu di skim penempatan semula Felcra Sungai Tadak-Kanowit. Ianya adalah harapan penduduk di Bahagian Kapit. Jalan ini bila sudah siap nanti akan dapat menghubungkan kawasan Kapit dengan bandar-bandar utama di negeri Sarawak. Oleh itu, saya percaya bahawa adanya sistem perhubungan darat yang baik dan moden serta efisien akan dapat membangunkan kawasan Bahagian Kapit.

Dengan itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Libaran.

4.37 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana telah diberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebagai Wakil Rakyat kawasan Libaran, saya berasa bangga kerana Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam menunjukkan ekonomi negara telah mencatatkan pertumbuhan purata Keluaran Dalam Negara Kasar sebenar pada kadar 8.7% iaitu melepasi sasaran 8.1%.

Negara kita juga dapat mengekalkan pertumbuhannya sebanyak lebih daripada 8% selama 8 tahun berturut-turut yang mana merupakan satu rekod yang sukar ditandingi oleh mana-mana negara dalam dunia ini, termasuk negara maju. Ini membolehkan pendapatan per kapita kita naik daripada RM6,099 pada tahun 1991 kepada RM9,786 pada tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong sepenuhnya dasar Rancangan Malaysia Ketujuh untuk mewujudkan kawasan supercorridor, multi-media dan konsep “push button” ini iaitu asas kepada teknologi maklumat yang mana merupakan infrastruktur untuk melayakkan negara kita bersaing dengan negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, bagi orang-orang kampung, semua bombastic dan perangkaan yang disebut tadi tidak memberi banyak makna kepada mereka. Bagaimanapun, mereka, khususnya yang tinggal di kawasan saya, Libaran, tahu negara kita semakin maju. Rakyat, terutamanya yang tinggal di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor semakin senang kerana banyak pekerjaan dan para korporat bertambah. Begitu juga mereka dapat memperhatikan tauke-tauke gedung perniagaan sibuk mengarahkan orang-orang bawahannya mengisikan stockyard mereka kerana turnover jualan barangan gedung-gedung mereka kian laju pusingannya.

Tuan Yang di-Pertua, pada 7hb. Mei lalu, sahabat saya dari Parit Sulong menyatakan jalan-jalan kampung di kampung beliau belum lagi diturap. Di tempat saya kawasan Libaran juga mengalami fenomena yang sama. Kampung-kampung seperti Sungai Menila, Sungai Batang, Sungai Beruang dan Gonggong Kecil bukan sahaja jalan-jalan kampungnya tidak diturap tetapi juga penghuni kampung tersebut terpaksa minum air kotor kerana belum lagi dibekalkan dengan air paip. Dalam masa yang sama, di kawasan Libaran sudahlah bilangan, kualiti guru dan kemudahan dari segi fizikal sekolah-sekolah di sana kekurangan, kemudahan asas seperti bekalan air paip dan elektrik di setengah-setengah tempat dalam keadaan daif. Memandangkan keadaan yang serba kekurangan ini masih lagi menghantui hidup penduduk luar bandar, mana mungkin anak-anak mereka berjaya dengan cemerlang dalam persekolahan mereka. Walaupun pegawai-pegawai dari Jabatan Pendidikan berbuih mulut mengadakan kursus motivasi umpamanya, namun apabila keputusan peperiksaan PMR dan SPM diumumkan, tiap-tiap tahun negeri Sabah sentiasa mencatat peratus kelulusan yang tercorot berbanding lain-lain negeri dalam Malaysia. Dalam fakta utama yang menjadikan demikian ialah kekurangan keperluan asas yang disediakan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini kerajaan harus menambahkan peruntukan bagi membangunkan kawasan luar bandar. Salah satu strateginya ialah mewujudkan tabung luar

bandar yang mana wang peruntukannya dibiayai oleh syarikat-syarikat gergasi dan badan-badan korporat yang menerima segala keistimewaan dari kerajaan melalui pelbagai projek raksasa yang bernilai berbilion-bilion ringgit. Syarikat-syarikat ataupun badan-badan tersebut hendaklah memperuntukkan sebahagian daripada keuntungan kepada tabung tersebut atas dasar *profitability with social responsibility*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak boleh lagi menganggap bahawa tugas membangun kawasan luar bandar sebagai agenda *secondary* tetapi sebaliknya harus diberi keutamaan oleh kerana pemimpin-pemimpin Barisan Nasional dan Kerajaan BN yang telah menerajui negeri ini semenjak 39 tahun lalu adalah diberi mandat oleh orang-orang luar bandar yang hampir keseluruhannya terdiri daripada kaum bumiputera. Saya merayu kepada kerajaan, turapkanlah jalan-jalan kampung. Bekalkanlah air yang bersih dan elektrik tanpa gangguan bekalan di kawasan Libaran, sementara itu baikilah sekolah-sekolah yang telah usang, binalah beberapa asrama lengkap dengan katilnya, hantarkan guru-guru terlatih dan bina rumah-rumah guru di sana. Apabila ada bekalan elektrik yang mencukupi dan guru-guru yang terlatih, murid-murid di sana bolehlah belajar menggunakan komputer yang mana ia sudah menjadi satu keperluan masa kini dan akan datang. Sebagaimana kata sahabat saya dari Parit Sulong tempoh hari bahawa murid-murid di luar bandar adalah terdiri daripada kaum bumiputera. Kalau mereka berterusan diabaikan

dengan keperluan semasa dan akan datang bagi menghadapi dunia digital dan perniagaan global ini, mereka akan terus menjadi masyarakat terpinggir di dalam negeri dan tanah air mereka sendiri. Hanya dengan cara inilah yang boleh menaikkan taraf sosial penduduk di sana, hanya dengan cara inilah yang dapat mengubah nasib penduduk di sana secara drastik selepas tinggal di bawah Kerajaan Barisan Nasional selama 30 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan agar perancang, pemikir pembangunan seperti EPU harus terlebih dahulu melawat kawasan-kawasan luar bandar yang perlu dibangunkan. Mereka harus berbincang terlebih dahulu dengan Wakil-wakil Rakyat sebelum membuat atau menulis sesuatu rancangan seperti Rancangan Malaysia Ketujuh ini, kerana Rancangan Malaysia Ketujuh ini merupakan road-map yang menentukan destinasi rakyat dan negara dalam masa lima tahun akan datang sambil menyediakan weapon yang lebih canggih untuk menghadapi masa-masa seterusnya seperti Wawasan 2020. Ini kerana hanya Wakil Rakyatlah yang lebih arif mengenai keperluan utama penduduk kawasannya.

Meminjam kata-kata hikmat pemikir Cina dan India yang berbunyi seperti berikut:-

"Menjadikan kebahagiaan rakyat sebagai kebahagiaan pemerintah, kebajikan rakyat sebagai kebahagiaan pemerintah. Apa yang menggembirakan

pemerintah bukan kegembiraan sebenar, melainkan apa yang menggembirakan rakyat itu sendiri. Apabila.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, ada kawan bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Silakan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat dari Libaran. Saya berasa sayu dan sedih kerana kawasannya begitu ketinggalan. Adakah Yang Berhormat juga bersetuju dengan kata-kata Allahyarham Tun Abdul Razak di mana beliau telah menyebut:-

"Bangunkanlah luar bandar kerana bandar itu akan bangun dengan tersendirinya."

Setuju atau tidak Yang Berhormat dengan kata-kata itu?

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih sahabat saya. Saya memang bersetuju atas kata-kata Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak. Justeru itu, saudara mengingatkan saya agar kita harus memikirkan supaya apa yang telah disusun oleh Yang Amat Berhormat Allahyarham Tun Abdul Razak itu berkenaan dengan program luar bandar harus diikuti kembali oleh pemimpin-pemimpin kita yang ada sekarang ini.

"Apabila pemerintah bergembira dengan kegembiraan rakyat, rakyat pula akan bergembira dengan kegembiraan pemerintah."

Tuan Yang di-Pertua, saya tabik kepada MAS walaupun antara penyumbang terbesar kepada defisit kewangan akaun semasa melalui pemilikan beberapa aircraft barunya kerana strategi agresifnya berjaya menambahkan destinasi baru ini di serata dunia sekaligus mempertingkatkan imej negara Malaysia. Akan tetapi, MAS jangan terlalu mementingkan kenaikan harga tambang kapal terbangnya untuk mendapatkan keuntungan maksimum berterusan kerana kita tahu the bottom line semua syarikat swasta berkiblat keuntungan maksimum. Keistimewaan monopoli yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada pihak MAS semoganya tidak mendatangkan bebanan kepada rakyat dari segi membayar tambang kapal terbang yang terus naik. Ini kerana monopoli berbentuk mendapatkan keuntungan maksimum serta pelbagai keistimewaan tanpa saingan kepada syarikat atau entiti yang memilikinya.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh akan meningkatkan lagi tahap pembangunan negeri terutama di negeri-negeri yang kurang maju. Negeri Sabah merupakan sebuah negeri yang tergolong mundur dan menikmati pertumbuhan ekonomi yang rendah. Salah satu program yang akan dimajukan ialah memajukan kawasan pertumbuhan Asean-Timur (BIMP-EAGA) yang merangkumi Sarawak dan Sabah, Brunei Darussalam, Mindanao, Kalimantan Timur dan Barat serta Sulawesi Utara yang telah ditubuhkan. Mengikut kajian

Asean Development Bank, kawasan tersebut berpotensi besar untuk membangun seperti bidang pelancongan, perhutanan, perikanan, pembangunan industri dan pembinaan. Sayangnya, buat masa ini ia berjalan terlalu lembab kerana kebanyakan perancangannya masih dalam peringkat lambat melawati antara pegawai-pegawai negara-negara yang berkaitan dan baru menandatangani beberapa memorandum persefahaman sahaja. Memanglah ada sedikit kemajuan seperti peningkatan perkhidmatan feri di antara Zamboanga di Filipina dan Sandakan di Sabah, begitu juga Filipina telah melabur dalam industri makanan dan perikanan di Sabah manakala pihak Malaysia pula telah melabur dalam industri perladangan kelapa sawit di Kalimantan serta carigali minyak dan gas di Mindanao.

Memandangkan kepada potensi kawasan ini untuk berkembang maju sangat besar, perkembangan yang sebegini kecil tidak mencukupi. Jika tidak diambil langkah-langkah drastik, segera bagi mengatasi, saya khuatir penubuhan kawasan untuk dimajukan ini tidak dapat memanfaatkan semua negara yang terlibat ke taraf maksimum dalam jangka masa yang sangat-sangat diharapkan.

Justeru itu saya menyarankan ditentukan sasaran bila sesuatu projek itu harus dibangunkan. Di samping itu bagi pihak Kerajaan Malaysia, BIMP-EAGA ini hendaklah diketuai oleh seorang yang bertaraf menteri dan berlatar belakang korporat, yang dilantik dari negeri Sabah. Tokoh ini perlu dipertanggungjawabkan kepada kedua-dua kerajaan negeri dan Persekutuan.

Sebagai contoh, lihat sahaja Pulau Langkawi dan Labuan, kedua-dua pulau yang satu masa dahulu digelar 'the sleeping island', kini telah bertukar wajah menjadi pulau yang bertaraf antarabangsa semata-mata kerana orang yang bertanggungjawab membangunnya ada kuasa dan boleh mengarahkan berbagai-bagai sumber infrastruktur dan rancangan bagi menukar batu kepada permata, menukarkan padang jarak, padang terkukur kepada pusat pelancongan dan membeli-belah bertaraf antarabangsa.

Kawasan BIMP-EAGA ini cukup berpotensi untuk dibangunkan kerana ia memiliki pelbagai keunikan flora dan fauna yang sukar didapati di dunia masa kini. Apa yang diperlukan hanya 'high powered man' mengetuai pembangunan kawasan tersebut dan berdaya mengumpulkan kewangan, kepakaran dan professionalisme dari pelbagai sumber serta menterjemahkan untuk menjadikan negeri Sabah sebagai pusat perdagangan berdaya maju.

Saya mencadangkan agar Malaysian Airline mewujudkan direct flight dari Sandakan ke Filipina, Hong Kong, Korea, Taiwan dan Jepun untuk melayakkan Sandakan menjadi kawasan perdagangan dan pelancongan yang bertaraf antarabangsa agar Sandakan kembali ke mercu kegemilangannya.

Tuan Yang di-Pertua, penangkapan 53 orang termasuk beberapa pemimpin politik, kakitangan kerajaan berserta dengan 2 orang Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara Sabah yang terlibat dalam pemalsuan dan penjualan pasport palsu kepada pendatang haram. Baru-baru ini dikejutkan

pula dengan kegiatan pemalsuan lesen dan penjualan senjata api haram berikutan tertangkapnya 27 orang yang dipercayai terlibat. Setakat ini mereka yang didapati terlibat ini terdiri daripada perunding Kerajaan Negeri Sabah, penjual senjata api berlesen dan beberapa anggota polis termasuk kerani Ketua Jabatan Siasatan Jenayah sendiri dan dua orang pegawai kastam.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan mereka yang ingin cepat menjadi kaya dengan cara 'whatever cause' ini tidak boleh dibiarkan berleluasa. Ia lebih serius lagi kerana mereka yang terlibat menyeludup senjata api ke Sabah ini terdiri dari pegawai-pegawai kanan anggota Polis negeri Sabah. Perbuatan mereka ini bak kata pepatah 'mengharapkan pagar, pagar makan padi'. Bayangkan apa akan terjadi jika senjata api tersebut jatuh ke tangan kongsi gelap, perompak bersenjata atau pendatang haram yang mempunyai rekod jenayah atau orang yang kurang siuman mengamuk, sudah tentu banyak nyawa akan melayang.

Justeru itu saya mencadangkan di samping menjatuhkan hukuman seberat mungkin terhadap mereka yang terlibat dengan penyeludupan senjata api dan kad pengenalan palsu itu, segala harta yang mereka kumpul hasil dari perbuatan yang terkutuk itu harus juga dirampas, di samping itu keselamatan negara harus juga dipertingkatkan. Ini dapat dilakukan dengan memperbanyakkan lagi dan mempertingkatkan lagi kecekapan anggota perisik

yang dilantik di setiap jabatan khususnya jabatan-jabatan yang strategik seperti Polis, Tentera, Jabatan Pendaftaran Negara, Kastam dan Eksais serta Imigresen.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Sekejap.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi penyakit sosial yang harus dibendung ialah aktiviti perjudian. Walaupun negeri Sabah memiliki lesen perjudian yang paling tinggi berbanding dengan mana-mana negeri dalam Malaysia, kegiatan perjudian haram masih berleluasa di negeri tersebut. Kerajaan Persekutuan bertindak bijak kerana tidak meluluskan permohonan lesen perjudian. Namun, jalan keluar yang diambil oleh mastermind, tauke-tauke judi 'to bit the system' ialah melalui 59 buah kelab rekreasi yang bertaburan di Sabah. Di negeri ini seolah-olah menjadi norma tiap-tiap kelab rekreasi tersebut menjalankan kegiatan perjudian haram.

Di kawasan saya Libaran umpamanya, terdapat 5 kelab rekreasi yang menjalankan kegiatan perjudian haram. Perbuatan demikian bukan sahaja melanggar kelulusan lesen kelab rekreasi, tetapi menjalankan kegiatan perjudian tanpa lesen yang khas adalah satu perbuatan haram kerana pemiliknya cuba mengelakkan diri dari membayar cukai perjudian yang tinggi kepada kerajaan.

Saya difahamkan kelab-kelab perjudian di Sabah juga tidak terlibat secara langsung dengan kegiatan rasuah semasa pilihan raya. Memang belum ada dibuat kajian mengenai pertalian antara perjudian dengan pelaburan, tetapi secara logiknya jika penduduk sesuatu tempat itu menghabiskan masa dan wang saku mereka dengan berjudi, bukan sahaja mereka yang terlibat kehabisan wang poket, tetapi secara relatifnya pelaburan mereka juga akan berkurangan. Jadi, kegiatan perjudian berjalan berleluasa jika tidak dibendung segera akan sampai masanya nanti di mana calon-calon politik yang menang dalam pilihan raya negeri itu terdiri di kalangan mereka yang ditaja oleh tauke-tauke judi, akibatnya kerajaan akan dipenuhi oleh pemimpin-pemimpin politik yang korup dan langsung tidak menguntungkan rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masa sudah cukup, ya.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yan.

4.56 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin [Yan]: Tuan Yang di-Pertua, apabila mengkaji balik buku RMK-7 dan kita mengkaji ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ternyata bahawa Kerajaan Barisan Nasional yang

diamanahkan oleh rakyat bersungguh-sungguh ingin membangunkan negara kita ini dan ingin melihat rakyat Malaysia ini menjadi rakyat yang bermaruah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan barisan Kabinetnya, tidak ketinggalan juga pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli pemikir yang telah bertungkus-lumus, memandang jauh ke hadapan untuk membantu Kerajaan Barisan Nasional bagi menjayakan cita-cita murni dan juga manifesto semasa kita berpilihan raya tempoh hari. Tanpa kerjasama daripada tenaga-tenaga kerajaan ini, maka mungkin perjalanan pembangunan tidak akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya bertanya Libaran tadi, saya ingin memetik kembali kata-kata Allahyarham Tun Haji Abdul Razak supaya kita giat bangunkan kawasan luar bandar kerana kawasan bandar itu akan bangun dengan tersendirinya. Ini memang menjadi kenyataan, Tuan Yang di-Pertua, kerana bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Ipoh dan sebagainya, ibu-ibu negeri ini akan membangun dengan sendirinya kerana kewangannya begitu banyak. Tetapi di kawasan luar bandar kita semata-mata mengharapkan daripada kerajaan, tidak ada orang yang ingin swastakan kawasan luar banar, Tuan Yang di-Pertua, kerana hasilnya tidak seberapa. Kerana yang tinggal di luar-luar bandar ini adalah orang-orang yang berpendapatan rendah dan sederhana, sudahlah mereka ini tidak mendapat

begitu banyak kemudahan-kemudahan asas dan sebagainya, mereka juga kadang-kadang agak ketinggalan masa, misalnya di kawasan-kawasan seperti di Libaran tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, saya menyeru kepada kerajaan supaya fokuskan lebih kepada kawasan luar bandar, kerana 'tidak larat'lah saya bersyarah di luar bandar, bercerita kepada orang-orang kampung, pembangunan ekonomi begitu baik. Cuba kita tengok twin towernya yang tertinggi di dunia, kita ceritalah macam-macam baik dan sebagainya, itu - ini baik, tetapi dia tanya, Tuan Yang di-Pertua, "Yang Berhormat, bilalah jalan kampung ini hendak ditarkan, sudah 48 tahun pak cik berjuang?".....

Beberapa Ahli: Sokong.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Diamlah pembangkang. Janganlah perli, saya hendak bercakap. Jadi, saya mengharapkanlah kerana kebanyakan kita ini adalah berasal dari luar bandar. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua, ini pun berasal dari luar bandar, hantar pergi belajar ke luar negeri dan sebagainya dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sokong.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha! sokong. *[Ketawa]* Jadi, menyerulah kepada kerajaan dan pegawai-pegawai kerajaan supaya kasihanlah pada orang kampung ini. Merekalah orang yang mengharapkan pembangunan. Kalau kita mengatakan negara ini membangun, mereka hendak tengok apa dia, mereka bukan minta banyak, Tuan Yang di-Pertua, mereka hanya minta jalan,

jalan pun bukan lebu ray, mini tar, hak kecil, kemudian minta air, api. Tiga perkara ini yang mereka minta, bayangkanlah kalau kita hidup tidak ada air di rumah hendak kena ambil di telaga, kalau zaman sekarang ini amat susah. Jadi kita peruntukanlah. Saya kaji dalam buku RMK-7 ini, peruntukan untuk luar bandar sungguhpun bunyinya bilion, tetapi apabila dibahagikan dengan tahun itu, satu tahun jatuh berapa ratus juta sahaja - mana cukup? Kawasan saya pun, Tuan Yang di-Pertua, berdebu lagi.

Jadi, saya mintalah sungguh, tiap-tiap kalilah saya bangkit dok khabar yang itu. Macam di Kepong tak mengapalah, jalan besar, semua besar. Kalau kita tak beri bantuan pun tak mengapa sebab kutipan hasil pintu pun sudah cukup untuk hendak bangunkan kawasan itu. Macam di luar bandar hendak kutip cukai pintu apa, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mintalah pegawai-pegawai kerajaan dan menteri-menteri dan Menteri Kewangan dan sebagainya tolong adjust balik RMK-7 ini, tambah lagi peruntukan.

Saya dok dengar tidak ada seorang pun Wakil Rakyat bangkit yang tak minta suruh bangunkan luar bandar. Jadi, maknanya semua hendaklah luar bandar dibangunkan. Kerana kita kena ingat, orang-orang duduk di luar bandar ini depa bukan susah sangat. Macamlah kawasan saya, pergi bendang, pergi ke laut, potong getah, bukan depa hendak benda banyak sangat. Bukanlah depa hendak benda-benda seperti parabola dan sebagainya, depa tak mahu. Yang depa mahu yang mudah, senang anak mereka pergi sekolah.

Sekolah di luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, kenalah beri elok kalau kita hendak anak wawasan yang baik. Ini kadang-kadang serba-serbi tak

cukup. Timbalan Menteri Pendidikan ada, tolong. Kalau kita kata hendak berkomputer, komputer sekolah itu hanya ada satu untuk guru sahaja. Dia kena ada kelas komputer. Dia kena ada kelas yang penuh dengan komputer. Ini sungguhpun komputer, tetapi ada satu komputer, selepas itu dia pujuk wakil rakyat, suruh rasmi PIBG, dia hendak sebiji dua lagi. *[Ketawa]* Jadi, macam mana. Kita kena fikir.

Rakyat di luar bandar kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, bukan dia tak cerdik. Cukup cerdik. Dalam tak makan vitamin pun, depa boleh score dalam peperiksaan cukup baik. Kadang-kadang macam Libaran, vitamin pun dia tak erti apakah makna vitamin, dia tak pernah dengar. *[Ketawa]* Dia makan ikut dan. Itu pun kadang-kadang bila periksa dia score baik. Cubalah kerajaan beri bantuan lebih sedikit kepada luar bandar - kerusi meja. Guru-guru pun masa hendak temu duga diberitahu, guru-guru ini tak lama lagi hendak ditukar ke Yan, mahu atau tidak mahu? Masa interview semua depa kata mahu. Hantar di mana pun tak mengapa. Lepas itu dia kata nak ikut suamilah, yang itulah, yang inilah, mak tualah dan sebagainya. Mari jumpa wakil rakyat jugalah. Wakil rakyat jumpalah Timbalan Menteri atau Menteri. Depa pun kenalah tolong. Maklumlah Majlis Tertinggi. *[Ketawa]*

Jadi, yang ini semua, Tuan Yang di-Pertua, kena kita tolong di luar bandar.

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun.

Tuan Lim Hock Seng: Bolehkah? Tuan Yang di-Pertua, saya nampak ada perbezaan di antara pandangan orang ramai berkenaan dengan jalan-jalan dalam kampung dengan bandar. Pada pandangan umum, orang-orang bandar melihat bahawa kerajaan akan membina mini tar jalan sejauh satu dua kilometer panjangnya. Tetapi dalam kawasan itu hanya ada dua tiga buah rumah kampung sahaja. TNB pacak tiang-tiang lampu berpuluh-puluh tiang, tetapi dalam kampung hanya ada sedikit rumah sahaja. Saya bukan pertikai tentang perbuatan seperti ini. Tetapi di kawasan bandar, separuh bandar, separuh kampung, dalam kampung itu beratus-ratus buah rumah. Tetapi jalannya, jalan lembu. Jadi, ada pandangan yang berbeza-beza. Bolehkah Yang Berhormat dari Yan sila membayangkan adakah keadaan ini sebenarnya berlaku? Terima kasih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, dia duduk di luar bandar dia rakyat Malaysia. Yang kebanyakan duduk di luar bandar depa sokong kerajaan. Macam di Bagan, dalam bandar bukan sokong kerajaan. Dok hentam kerajaan lagi. Ini hak sokong kerajaan pun tak dapat, bagi dapat hak ini dahulu, selepas itu bagilah kepada yang tak sokong itu. Jadi, kena macam itulah antara anak tiri dengan anak kandung, kita berilah kepada anak kandung dahulu. Anak tiri kemudianlah. Tambahlah anak angkat, lagi jauh.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi. Kestabilan politik kita perlukan untuk kita hendak bangunkan negara kita ini. Di sini saya ambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan kembali ke panguan Tengku Razaleigh Hamzah serta kumpulan S.46 bersama-sama dengan UMNO. Kerana maklumlah dahulu merajuk sedikit tak mengapa. Itulah caranya. Kita merajuk, orang kata “carik-carik bulu ayam”. Carik macam mana pun dia patah balik. Dia tumbuh balik. Jadi, alhamdulillah, bagus. Cuma saya harap PAS, dok tunggu apa lagi, pakat-pakatlh nu! *[Ketawa]* Pakat-pakat demi perpaduan.

Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap perpaduan adalah modal yang terbesar, Tuan Yang di-Pertua, sampai kita boleh hantar penjajah balik. Kerana perpaduan sahaja, bukan kerana apa. Bukan kerana duit, pada masa itu orang Melayu mana ada duit, tetapi kerana perpaduan. Jadi, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh dan rakan-rakan kita yang telah kembali kepada UMNO. Insya-Allah....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Masuk ke dalam Dewan]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Sila, sila. Dia pun dahulu bekas Ketua Pemuda UMNO. Sekali dengan saya dahulu. Jadi, baguslah pakat-pakat balik mari. Kita bukan apa, kita hendak bangun, kasihan kepada rakyat.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Libaran bangun, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, sekejap lagi saya minta masa kecederaan. Kalau tidak, rugilah saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Saya hendak bertanya sahabat saya, kemasukan S.46 ataupun PAS mungkin akan masuk, tidakkah dia mengganggu-gugat Ketua Bahagian Yan nanti?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, bila kita berpolitik, kita jangan takut. *[Ketawa]* Kalau kita takut ombak, jangan duduk di tepi pantai. *[Ketawa]* Kalau kita takut tenggelam, jangan pergi berenang. Jadi, apa salahnya, siapa naik pun, asalkan dia adalah mempunyai semangat UMNO, semangat hendak tolong bangsa kita, ambillah. Pemimpin-pemimpin datang dan pergi. Saya pun bukan lama hendak dok di sini. Sampai masa saya berundur. Tetapi kalau dok steady lagi, saya tunggulah. *[Ketawa]*

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan syabaslah sekali lagi kepada kawan-kawan kita dan saya mintalah PAS pun sama. Kalau pun tak mahu masuk, tak mengapa, jangan tepis deras sangat, kerana kami makin kuat sekarang ini. UMNO makin kuat. Terima kasih.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap tentang penswastan hospital. Saya dengar ura-ura hendak swastakan hospital. Saya

tak setujuilah, Tuan Yang di-Pertua. Kerana bila kita swasta, saya dok tengok, benda swasta ini selalu naik harga. Jadi, orang kampung bukan saya hendak cerita, kadang-kadang seringgat 'sekepiang' pun tak ada dalam poket. Bila orang sakit, sekepiang pun tak ada dalam poket. 'Sekepiang' ini bermakna seduit pun tak ada. Saya tahu sebagai Wakil Rakyat. Kadang-kadang hang sakit awat tak pergi hospital. Kawan saya mari beritahu pergilah tengok Yang Berhormat. Saya pergi dan bertanya, "awat pakcik tak pi hospital?" Dia kata, "Nak pi macam mana Yang Berhormat, sekepiang pun tak ada." Dia nak naik teksi pun tak ada duit hendak pergi hospital. Pergi di sana pula nanti nak kena bayar. Dengar nak kena bayar, boleh tahan dua tiga hari dia pi hari itu juga, main dengan penyakit. Kawan boleh hidup dua tiga hari lagi, bila dengar ini ubat nak kena bayar, itu nak kena bayar, dia pi masa itu juga, mati waktu itu jugalah. Buat macam mana. Jadi, yang ini cuba fikirkan.

Saya mintalah jangan, minta hospital tak usahlah swasta. Tak mengapalah kerajaan tanggunglah sedikit kerana penyakit bukan kira miskin kaya. Yang kaya pun penyakit, hak yang miskin pun kena penyakit. Tetapi banyak yang kaya kena. Kena jantung, kencing manis dan sebagainya. Jadi, saya haraplah Kementerian Kesihatan jangan diswastakan, kerana ini akan menyusahkan rakyat yang miskin, rakyat di luar bandar. Yang ini saya bercakap, Tuan Yang di-Pertua, orang kampung pesan mereka suruh beritahu di

Parlimen. Itulah sebab saya bercakap. Kalau tidak, saya nak bercakap buat apa.

Kemudian, satu lagi pendidikan - MARA kena tambah duit, Tuan Yang di-Pertua. Kena tambah duit. Kerana di sinilah tempat terakhir orang-orang bumiputera hendak merayu memohon bantuan untuk pendidikan. Kalau kita bercakap tentang Malaysia abad ke hadapan, modal kita yang paling baik sekali bagi saya adalah pendidikan. Terbukti hari ini, pegawai-pegawai yang dok ada hari ini, tokoh-tokoh korporat yang dok ada hari ini semua mereka ini mendapat nikmat daripada Dasar Ekonomi Baru di mana mereka mendapat biasiswa daripada MARA dan daripada agensi-agensi kerajaan yang lain. Kalau bukan kerana bantuan ini, tak dapatlah kita hari ini, taubat nak ada macam sekarang ini, macam pegawai-pegawai tinggi superscale, apa scale dan sebagainya.

Ini semua kerana apa, kerana bantuan kerajaan dan rakyat masih memerlukan. Oleh yang demikian, saya menyerulah kepada Kementerian Kewangan supaya memperbanyakkan peruntukan untuk MARA. Kerana pendidikan bukan boleh dapat return macam kita melabur dalam saham dan sebagainya. Dia long term punya investment. Sebab itu saya dok pesan kepada PIBG semua kalau kita orang miskin di kampung, kalau kita hendak masa depan cerah, labur duit untuk anak kita belajar. Bagi dia pendidikan yang baik. Kita jerut perut sedikit tak mengapa, tetapi anak-anak beri pendidikan yang baik. Kalau kita pergi ke laut, tak mengapa, anak kita tak lama jadi peguam. Kita memotong getah hari ini tak mengapa, anak kita tak lama lagi jurutera, arkitek dan sebagainya. Kalau kita hari ini jual ubat tepi jalan tak mengapa, Tuan Yang di-Pertua, masa depan anak kita jadi doktor.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan sedikit. Bila Yang Berhormat dari Yan menyebut tentang PIBG tadi, saya teringat dua hari yang lepas saya baru merasmikan mesyuarat agong PIBG di kawasan saya. Jadi rintihan mereka ini ialah bagaimana hendak mencari duit untuk menceriaikan sekolah, membina pondok membaca, membina kolam sains, melengkapkan lagi alat bantuan mengajar dan sebagainya. Jadi, saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya PIBG ini juga diberikan peruntukan yang bersesuaian daripada kementerian. Janganlah apabila wakil rakyat itu dipanggil untuk merasmikan mesyuarat-mesyuarat PIBG maka peruntukan-peruntukan yang utama akan diminta ialah untuk menceriaikan sekolah. Pada saya keceriaan sekolah ini penting tetapi kualiti pembelajaran di sekolah itu harus dipertingkatkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, pandangan ini cukup baik. Ini boleh pergi Setiausaha Parlimen. *[Ketawa]* - pandangan yang cukup baik. Memanglah Tuan Yang di-Pertua....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada lagi yang bangun.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya macam menteri pula
[Ketawa]

Tuan Jimmy Lim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat dari Yan. Apabila bercakap tentang peruntukan kepada MARA, adakah Yang Berhormat juga bermaksud pengambilan kepada kursus-kursus juga perlu ditambahkan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Memang, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang kursus ini kita kena beri - sampai kepada kursus menjadi profesional golfer pun tidak apa - beri. Kita kita beri. Sekarang ini ramai anak bumiputera kita yang sudah pandai main golf - sungguh - sehingga sudah sampai ke Single Handicap - profesional. Saya handicap dari dahulu lagi - saya tidak main golf sebab tidak ada masa, Wakil Rakyat ini kalau main golf maknanya dia banyak masa lapanglah - dia tidak membuat kerjalah. Saya buat kerja jadi masa saya tidak ada - jangan marahlah kepada yang main golf.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kena beri walaupun sampai dia hendak ambil bahagian menjadi seorang golfer yang profesional - kita kena beri, fasal zaman kita ini zaman yang mencabar masa depannya, jadi, itulah saya berharap. Begitu juga dengan Kementerian Pendidikan, kena beri peruntukan yang lebih - kita hendak menjadi sebuah negara sebagai tempat yang mengeluarkan cendekiawan-cendekiawan, orang yang pandai di segala arena di Malaysia ini, tetapi kalau peruntukan tidak ada, tidak lama lagi kita akan mengeluarkan banyak cendawan - hendak buat apa? Jadi, yang inilah saya berharap kena beri peruntukkan - pendidikan, luar bandar, kesihatan - beri lebih tidak apa, kerana

merekalah rakyat-rakyat yang menyokong kerajaan dan terbentuknya kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, pertanian - saya duduk di kawasan bendang, kesihan kepada orang kampung. Sekarang ini orang yang bertanam padi - hak pelapis muda sudah tidak ada, tinggal pelapis yang tua-tua - ranum-ranum, jadi, cuba Tuan Yang di-Pertua fikir, fasal apa mereka tidak mahu membuat bendang, kerana hasilnya tidak seberapa. Sudahlah kaki di makan air dok berendam dalam bendang, sat dok pi pam racun, kadang-kadang kulit itu, makan vitamin 'C' banyak manapun, macam Kepong khabar pun tidak berupaya dah, bila bermain dengan racun serangga ini - kulit-kulit habis merekah, mana anak muda hendak membuat bendang sekarang ini - tinggal orang-orang tua. Cubalah kita beri sedikit insentif yang baik, kemudahan yang baik, kerana beras ini, adalah makanan utama negara kita, jadi, kalau bendang-bendang ini menjadi 'rang' - 'rang' ini, dia sudah tidak ada, orang sudah tidak tanam, maka akhirnya kita kena import dengan banyak. Ini akan menambahkan pertukaran wang asing. Jadi, beras adalah makanan yang mustahak kepada kita, jadi, bantulah, kalau tidak tidak boleh memberi subsidi dalam bentuk kewangan, beri subsidi macam saya kata racun serangga.....

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Timbalan Menteri bangun.

Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Saya mengucapkan terima kasih di atas cadangan itu, tetapi saya kurang jelas sedikit, apakah subsidi itu untuk orang-orang tua yang kecut sahaja, yang muda yang menanam padi tidak payah. Maksud Yang Berhormat tadi, yang mengatakan hanya orang-orang tua sahaja. Jadi, maksud saya adakah subsidi itu untuk semua penanam padi atau kepada yang tua-tua sahaja?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Semua sekali, Tuan Yang di-Pertua - hak yang buat bendang, hak yang menanam padi, supaya orang-orang muda ini tidak pergi bekerja di kilang-kilang. Perusahaan padi dan beras ini - adalah makanan kita. Cuba tuan-tuan tidak makan beras. Saya kadang-kadang pergi ke luar negeri, bila kerajaan hantar pergi membuat kerja di luar negeri, saya tidak makan nasi dua hari sudah ketar lutut - ini sungguh bukan melawak. Sungguhpun kita makan roti, tetapi oleh kerana kita ini jenis orang kampung, tidak kena nasi mula ketar lutut, hendak buat kerja tidak boleh - jadi beras ini makanan yang mustahak.

Jadi, saya harap tolonglah, kajilah balik, kerana orang di kawasan saya pun suruh minta yang ini - dia kata pergilah minta di Dewan Rakyat - kami minta tidak dapat, pergilah minta, tolonglah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya minta kerajaan gazetkan kawasan bendang sebagai kawasan green belt - kawasan ini jangan digunakan untuk membuat industri, membuat perumahan dan sebagainya. Kalau kita dok ambil

tanah-tanah ini, tidak lama nanti kita hendak makan beras macam mana? Kuis sedikit, kuis sedikit, beras bukan boleh tanam dalam laut.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa sudah lebih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Saya ingat Tuan Yang di-Pertua hendak minta penjelasan [*Ketawa*] minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya sudah hendak habis dah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Minta gulung.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya, saya gulung. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan akan gazetkan kawasan-kawasan bendang ini termasuk di Tanjong Karang, Kedah dan di mana sahaja supaya memastikan kita mempunyai cukup bekalan dan buat kajian supaya kita boleh tanam padi 3 kali setahun, supaya kita dapat mempertingkatkan. Dan Akta Pengambilan Tanah - kita pastikan supaya kita jangan mengambil tanah-tanah orang - kesihan mereka - tanah ini pusaka, kalau kita hendak ambil, orang akan merasa kecewa, jadi, kalau kita ambil pun berilah kepada dia pampasan yang sebaiknya - beri dia sebagai share holding dalam syarikat dan sebagainya, tetapi kawasan bendang, saya minta tolong jangan.

Cuma satu yang mustahak yang saya hendak bercakap, mengenai pegawai-pegawai kerajaan, jadi, kita tengoklah welfare mereka. Macam polis

pun, mereka bekerja teruk - saya tengok trafik yang duduk dalam pekan, bila balik rumah bajunya warna coklat. Dia keluar berwarna putih - balik berwarna coklat kerana debu, kereta yang pi-mai, pi-mai.

Tuan Yang di-Pertua, kemudiannya, kadang-kadang kelewatan dalam pentadbiran kerajaan ini disebabkan kurang tenaga, bukan tenaga apa, tenaga kerja. Jadi, saya harap JPA dimintalah pertingkatkan sedikit dia punya organisasi supaya dapat cepat. Kadang-kadang organisasi itu dia under power - tenaga kurang, bila tenaga kurang dia jalan 3 silinder macam mana kita hendak boleh dapat satu prestasi yang baik? Jadi, banyak agensi kerajaan ini dia tidak boleh hendak 'move' kerana bila dia hendak ambil tenaga kerja dia kena pergi JPA dan JPA pula ada prosedur dan sebagainya. Jadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi saranan dia kata kalau kita hendak bangun negara ini, red-tape ini cuba kurangkan. Daripada red-tape menjadi blue-tape ataupun green-tape - biar cepat sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya sekali, ini orang filem pesan. Orang yang berlakon filem pesan dia kata tolonglah kepada pengusaha-pengusaha filem Melayu - bumiputera yang kadang-kadang makan nasi bungkus sahaja. Yang untung memang ada satu, dua - macam Maria Mariana - dia untungh collection sampai RM4 juta, tetapi hak yang ditayang di TV, agihkanlah sama rata kepada pengusaha-pengusaha filem ini, macam HVD - dia mendapat banyak, tidak apa. Tidak apalah dia dapat kerana kerajaan ada syer dan sebagainya, lebih kurang tidak apa, tetapi HVD jangan monopoli berilah syarikat lain, ambil filem daripada syarikat-syarikat bumiputera lain, salurkan melalui HVD dan HVD jual ke RTM - buat macam itu. Jadi, kalau semua dia hendak buat, saya tengok filem-filem HVD ini hero/heroin muka itu sahaja, saya pun naik cemuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat masa sudah lebih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Masa sudah habis, Tuan Yang di-Pertua?

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah habis tidak apalah, saya menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan ini dengan harapan dan doa semoga rancangan ini akan menemui kejayaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Bandau.

5.20 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk memberi sumbangan kepada perbahasan atas perkara Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari isnin yang lalu 6hb. Mei, 1996.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh adalah satu dokumen yang boleh diterima sebagai satu rangka ekonomi yang komprehensif, bagi landasan dasar, program dan strategi pembangunan negara bagi lima tahun yang akan datang. Dalam dokumen ini terkandung beberapa idea dan pendekatan baru, walaupun keseluruhannya ialah kesinambungan kepada

pendekatan pembangunan dan dasar serta strategi dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Pendekatan atau tekanan strategi baru untuk mengembalikan ekonomi daripada pertumbuhan yang didorong oleh pelaburan kepada pertumbuhan yang didorong oleh produktiviti dan kualiti adalah satu langkah yang baik dan tepat pada masanya. Sepertimana yang diutarakan peralihan strategi ini boleh dicapai melalui peningkatan kecekapan penggunaan buruh dan modal, kemahiran, pendalaman model dan peningkatan pengurusan dan keusahawanan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, matlamat ini bukan senang dicapai, khususnya dalam jangka masa pendek. Memandangkan industri-industri pembuatan di negara kita mesti dalam bentuk pengeluar intermediate goods, dengan izin atau assembly intermediate goods, dengan izin, dan bukan dalam bentuk hi-tech serta pembangunan teknologi tinggi yang masih kurang dan penggunaan buruh yang tinggi khasnya buruh asing, maka peluang untuk meningkatkan produktiviti dalam jangka masa pendek adalah tidak realistik.

Maka dalam perkara ini, pihak kerajaan hendaklah memastikan supaya penggunaan dan penyerapan teknologi di kalangan firma-firma pembuatan di pertingkatkan secara sistematik dan mengikut jadual yang ditentukan. Jika perkara ini tidak dilaksanakan, maka sektor pembuatan akan terus kekal dalam bentuk sekarang dan apabila upah buruh terus meningkat, sektor ini akan

kehilangan competitiveness, dengan izin, dan akibatnya kepada pertumbuhan ekonomi seterusnya akan menjejaskan rancangan kerajaan untuk mencapai matlamat-matlamat ekonomi, sosio dan politik sepertimana terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan Wawasan 2020.

Satu lagi cabaran yang kerajaan akan hadapi ialah masalah yang berterusan iaitu defisit perdagangan negara khasnya akaun defisit semasa. Dengan adanya tumpuan kepada pembangunan ekonomi yang capital intensive, maka pasti ini akan terus menggugat strategi kerajaan untuk membendung masalah defisit. Ini disebabkan jika perkara ini tidak dapat dikawal, maka implikasinya kepada nilai pertukaran wang, inflasi, upah pekerja dan akhirnya produktiviti serta pelaburan asing dan kadar pinjaman akan menjejaskan kadar pertumbuhan ekonomi negara nanti.

Maka dengan itu, amatlah penting bagi kerajaan untuk memastikan supaya mengurangkan import capital goods, dengan izin, dan meningkatkan pengeluaran mereka dalam negeri. Perancangan dan pengurusan ekonomi hendaklah juga ditahap yang terbaik supaya menjamin keyakinan pelabur-pelabur asing dan menghentikan capital flight daripada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi peruntukan, sepertimana yang terkandung dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh ini, jumlah keseluruhannya ialah RM67.5 bilion dan daripada ini RM4.495 ataupun kira-kira RM4.5 bilion adalah untuk negeri Sabah iaitu kira-kira 6.7% sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, pihak kita begitu terperanjat kerana pada kira-kira tiga bulan yang lalu, Timbalan Menteri Kewangan semasa beliau berada di negeri Sabah telah mengumumkan bahawa peruntukan sebanyak RM13 bilion untuk projek-projek pembangunan telah diperuntukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh tetapi nampaknya bukan sahaja RM13 bilion itu tidak ada tertulis di dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh ini, tetapi jumlah yang amat kecil sekali iaitu RM4.5 bilion sahaja iaitu hanya kira-kira dua tahun Belanjawan Negeri Sabah dan pasti peruntukan-peruntukan seperti itu tidaklah mencukupi untuk menanggung keperluan-keperluan di peringkat negeri. Projek-projek seperti jalan raya, lapangan terbang, sekolah-sekolah, hospital-hospital dan klinik, bekalan air, pembangunan dan pemuliharaan tanah adalah di antara projek-projek yang disenaraikan dalam dokumen Rancangan Malaysia Ketujuh ini yang dikatakan akan dikendalikan nanti dalam Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu dalam masa lima tahun yang akan datang. Semuanya ini pasti tidak mencukupi dan rayuan kita sepertimana yang telah dibuat oleh Yang Berhormat dari Yan dan ahli-ahli backbenchers yang lain supaya peruntukan bukan sahaja bagi kawasan luar bandar tetapi khasnya bagi negeri-negeri yang terpencil seperti negeri Sabah dan Sarawak, harus direview kembali, dengan izin, untuk tujuan mempertingkatkan dan menambahkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM4.5 bilion bagi negeri Sabah adalah seperti yang saya katakan tadi, rendah sekali dan walaupun yang merupakan 6.7% daripada peruntukan keseluruhan Rancangan Malaysia Ketujuh yang berjumlah RM67.5 bilion ini, jumlah yang sebanyak RM4.5 bilion adalah sekadar boleh menanggung projek-projek yang kesinambungan, continuation project, dengan izin, dan jika dipandang dari segi janji-janji Kerajaan Persekutuan untuk membangun ekonomi negeri Sabah, ini amatlah mengecewakan sekali. Janji 100 hari, janji untuk mengurangkan kemiskinan, mengkosongkan buta huruf, membina 2,000 batu jalan raya, membina 200 batu jalan kereta api, membekal sebuah rumah bagi setiap orang negeri Sabah, mengurangkan doktor untuk ratio pesakit kepada 1:2,500, memastikan supaya 80% perkampungan ataupun kampung-kampung di seluruh negeri akan dibekalkan dengan bekalan elektrik dan bekalan air. Saya percaya dengan adanya peruntukan yang amat kecil itu, begitu hairanlah dapat mencapainya janji-janji ini. Namun demikian, kita minta kepada pihak kerajaan supaya mengambil langkah yang lebih serius dan jujur supaya menambah peruntukan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kita mengalu-alukan ketetapan kerajaan untuk meneruskan dasar pendidikan ke arah memperkukuhkan dan meningkatkan keberkesanan sistem pendidikan negara dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Jaminan bahawa kerajaan akan terus meningkatkan

kemudahan-kemudahan pendidikan bagi memenuhi matlamat jangka panjang untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju, mengikut acuan yang unik di samping bersesuaian dengan nilai-nilai rakyat Malaysia adalah disokong penuh. Harus diingatkan bahawa dasar dan sistem pendidikan negara yang baru sahaja dirombak dan disusun sepertimana yang diluluskan dalam Dewan yang mulia ini kira-kira lima bulan yang lalu, belum sampai ke tahap pelaksanaan yang ketara.

Ini adalah amat jelas sekali di peringkat pra-sekolah di mana belum ada usaha yang bersungguh-sungguh untuk melaksanakan sistem yang telah ditetapkan. Pihak kita menggesa kerajaan, supaya usaha untuk melaksanakan sistem pendidikan pra-sekolah dimulakan dengan kadar yang segera. Kita percaya, sistem ini haruslah dilaksanakan terutamanya di luar bandar, iaitu di dalam kawasan perkampungan yang jauh dari lokasi sekolah-sekolah kerajaan atau sekolah-sekolah swasta. Di dalam tempat-tempat seperti ini iaitu dalam tempat-tempat terpencil banyak anak-anak yang harus layak bersekolah tetapi oleh kerana keadaan jauh seperti di Sabah dan di Sarawak, banyak tempat-tempat yang memerlukan mereka berjalan kaki selama dua ataupun tiga hari. Maka ibu bapa tidak sanggup melepaskan anak-anak mereka untuk berpindah kerana kebanyakan sekolah rendah di luar bandar juga, misalnya di Sabah dan di Sarawak tidak mempunyai kelengkapan asrama.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya di kawasan saya di kawasan Bandau, ada dua sekolah rendah SK Samparit Tatandik dan SK Merap Parak yang belum ada perlengkapan asrama asas iaitu makanan tidak dibekal dan budak sekolah masak sendiri. Apabila habis beras dalam pertengahan minggu pun mereka pulang untuk pergi mengambil beras dan kalau habis penggal nanti, di hujung penggal sekolah, mereka bawa kualiti balik ke kampung dan bukan sahaja itu, Tuan Yang di-Pertua, di SK Tagibang dalam kawasan saya tidak ada rumah guru sama sekali. Semasa saya melawat ke tempat itu pada bulan yang lalu, saya mendapati bahawa hanya dua orang guru sahaja berfungsi daripada lima orang guru yang ada, kerana tempat itu tidak ada bilik guru, tidak ada rumah guru dan apabila guru pulang, dua minggu baru dia balik kerana dikatakan ada masalah untuk kembali tetapi sebenarnya masalah adalah tidak ada rumah guru di sana. Jadi, perkara-perkara yang asas seperti ini haruslah diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya pelaksanaan sistem prasekolah di luar bandar yang mana tidak memerlukan kelengkapan bangunan yang banyak atau besar sepertimana dibuat jika kita menubuhkan sekolah rendah, maka budak-budak yang belum ke sekolah atau tidak bersekolah kerana tempat sekolah itu jauh, maka sekurang-kurangnya mereka menghadiri kelas prasekolah dan dengan langkah yang pertama dapat keluar daripada golongan buta huruf.

Pendidikan prasekolah yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan harus lebih diperlukan dan ditumpukan di luar bandar kerana di kawasan bandar atau dalam kawasan separuh bandar, semi urban areas, dengan izin, banyak perkhidmatan prasekolah swasta seperti KEMAS, tadika

perpaduan dan lain-lain yang dianjurkan oleh pihak swasta yang senang diperolehi oleh ibu bapa di tempat-tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan kerajaan meningkatkan lagi kadar celik huruf daripada 91% pada tahun 1995 adalah dialu-alukan. Namun kita percaya bahawa kadar celik huruf 91% ini tidak mencerminkan keadaan sebenar di wilayah-wilayah yang terpencil seperti di negeri Sarawak dan negeri Sabah. Di negeri Sabah, walaupun pelaksanaan program pendidikan telah dipertingkatkan, kadar buta huruf di kawasan luar bandar masih dalam kadar kira-kira 70% iaitu

celik huruf di luar bandar sekadar kepada peringkat 30%. Di peringkat negeri, kita percaya kadar celik huruf tidak lebih daripada 50%. Perkara ini mencerminkan betapa pentingnya bagi pihak Kerajaan Pusat khasnya Kementerian Pendidikan untuk menambah peruntukan dengan kadar quantum leap bagi infrastruktur asas pendidikan di negeri Sabah.

Jadi, Barisan Nasional dalam dokumen Sabah Baru ialah amat tinggi sekali:

- (i) Menghapuskan buta huruf
- (ii) Membina 123 buah sekolah pada tahun 2000.

1,2,3, saya pun hairan, Tuan Yang di-Pertua, mereka mendapat angka ini 1,2,3 - satu ratus dua puluh tiga. Saya berharap ini bukan sahaja ditangkap di angkasa dan dipasangkan tetapi betul-betul keperluan yang berasas kepada

keadaan semasa dan di kawasan-kawasan di seluruh negeri. Jadi, kita tidak ingin kerajaan sekadar bercakap banyak dan berjanji tetapi semuanya itu tidak dilaksanakan dan sekadar menanam tebu di bibir.

Baru-baru ini diumumkan oleh pihak Menteri, Jabatan Pendidikan dan Pendidikan Negeri Sabah bahawa kira-kira 60 buah sekolah dengan nilai projek RM200 milion telah terbengkalai dan tidak disiapkan oleh pihak kontraktor. Ini bagi program di bawah Rancangan Malaysia Keenam. Amat kecewa sekali sebab penjelasan yang diberi bahawa pejabat ataupun Jabatan Pembangunan Persekutuan yang baru ditubuh dan juga kontraktor-kontraktor yang tidak berkebolehan untuk menyiapkan projek ini sebagai penjelasan. Tetapi persoalan kita, kenapa begitu lama sekali JPPS sudah pun dekat lima tahun ditubuhkan dan kenapa memberi tender kepada kontraktor-kontraktor yang tidak berkebolehan dan yang tidak bertauliah, akhirnya masalahnya ialah projek-projek yang terbengkalai.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kita ingin tahu berapa banyakkah sekolah-sekolah di negeri Sabah yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini? Di manakah tempat-tempat yang akan dibekal dengan sekolah dan adakah jumlahnya menunai janji 123 buah sekolah sepertimana yang dijanjikan dalam dokumen Sabah Baru?

Pada masa yang lalu, di Dewan yang mulia ini saya beberapa kali menyuarakan masalah ketidakadaan sekolah di Ulu Bengkoka Tandek iaitu di

kawasan perkampungan Sungai Magandai di mana kira-kira 700 - 1000 budak-budak yang layak ke sekolah, tetapi kerana sekolah yang berdekatan di situ iaitu SK Nibang dan SK Sampareda amat jauh, iaitu kira-kira satu hari satu malam untuk berjalan kaki, maka budak-budak ini tidak menghadiri kelas-kelas dalam sekolah-sekolah yang berdekatan yang begitu sebenarnya amat jauh.

Perkara ini telah diliputi oleh siaran akhbar nasional dan TV3 dan pada hari Selasa 7hb.Mei minggu lalu *New Straits Times* memberi liputan fokus. Boleh baca dan lihat budak-budak duduk di lantai di balai raya yang sudah pun terusai. Jawapan pihak kementerian pada sesi Soal Jawab pada menjawab soalan saya di Dewan yang mulia ini pada sesi yang lalu ialah bahawa tidak ada cadangan untuk membina sekolah di Sungai Magandai dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerana dikatakan bahawa budak-budak boleh menghadiri sekolah di SK Sampareda yang kira-kira dua hari jika berjalan kaki yang dikatakan ada asrama tetapi apabila saya siasat baru-baru ini, ada bangunan asrama tetapi tidak ada kelengkapan-kelengkapan asas. Budak-budak sekolah masak sendiri dan tidak boleh menampung begitu ramai pelajar di kawasan tertentu.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, setakat ini mengikut maklumat yang saya perolehi, saya katakan tadi, SK Sampareda itu tidak boleh menampung pelajar yang ramai dan ia mempunyai sekadar bangunan asrama sahaja, tidak ada kelengkapan asas yang lain termasuk makanan. Budak

sekolah masak sendiri, kalau habis beras pulang. Hujung penggal bawa kualiti balik. Jadi, inilah tanda-tanda pembangunan pendidikan yang dikatakan berazam untuk menjadi pusat pendidikan cemerlang.

Saya minta supaya SK Sampareda dan SK Nibang dibekal asrama dengan kelengkapan asas dan saya juga memohon pihak kementerian untuk mengambil perkara ini dengan serius. Tidak kurang 700 ke 1000 budak-budak terlibat di kawasan perkampungan Sungai Magandai. Saya mempunyai gambar-gambar dan bukti-bukti lain termasuk salinan permohonan sekolah yang dikemukakan oleh pihak Ketua Kampung yang berdekatan yang dikemukakan kepada Penyelia Pendidikan Kawasan Kota Marudu pada tahun 1994 lagi bahkan ada juga permohonan 10 tahun yang lalu. Pemimpin-pemimpin pusat mengeluarkan air mata untuk kanak-kanak di Bosnia. Mana air mata bagi anak-anak Magandai? Anak-anak kita sendiri, dengan izin, where are the tears for the Magandai children? Atas dasar keadilan dan keikhlasan kerajaan saya merayu supaya sekolah rendah bagi perkampungan Magandai dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan dimulakan pembinaannya secepat mungkin sebab tempat pun telah tersedia di dalam perkampungan tersebut dan telah pun diasingkan oleh pihak pemimpin-pemimpin masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, jika pemimpin-pemimpin masyarakat di kawasan ini nanti menyuarakan permohonan mereka dan keadaan mereka kepada NGO-

NGO di peringkat antarabangsa atau kepada UNESCO nanti nama baik negara pasti akan tercemar di mana kita mengatakan bahawa Malaysia menjadi satu center of educational excellence, dengan izin tetapi tidak boleh membekal keperluan asas anak-anak kita di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang ingin saya sentuh ialah berkaitan dengan perkara kemiskinan. Masalah kemiskinan di negara kita masih lagi berterusan walaupun pencapaian-pencapaian adalah ketara juga. Pada tahun 1990 kadar kemiskinan adalah 16.5% dan pada 1995 kadar ialah pada 8.9%. Kadar kemiskinan di kalangan termiskin dikatakan telah menurun daripada 3.9% kepada 2.1%. Bagi tahun 2000 dijangkakan bahawa kadar kemiskinan akan menurun kepada 5.5%. Program-program yang dianjurkan ialah menggalakkan projek yang menambahkan pendapatan, menyediakan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur, menambahkan peluang meningkatkan peluang pendidikan dan latihan yang lebih besar.

Namun, Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negeri Sabah sekali lagi kita merayu bahkan di negeri-negeri yang masih lagi juga ketinggalan seperti negeri Sabah di mana janji kerajaan ialah untuk mengosongkan kemiskinan dan kita tahu ini tidak boleh dicapai. Namun demikian, usaha yang lebih gigih dan lebih jujur haruslah dilaksanakan. Mengikut anggaran kita tidak kurang 50,000 keluarga rumah tangga adalah dalam golongan termiskin walaupun mengikut data yang telah diberi oleh Jabatan Pembangunan Luar Bandar sekadar 25,000 sahaja. Keadaan sebenar adalah lebih serius daripada apa yang dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta daripada pihak Kementerian Luar Bandar supaya, nombor satu, berapa sebenarnya jumlah rakyat termiskin di negeri Sabah mengikut kajian kementerian. Jika pihak kementerian belum lagi mendapatkan maklumat ini kita minta supaya pihak kementerian memberi arahan kepada pejabat-pejabat daerah supaya menjalankan kajian yang

terperinci dan census supaya data dan maklumat yang tepat dapat diperolehi oleh pihak kerajaan untuk tujuan menjalankan rancangan-rancangan pembangunan.

Yang kedua ialah, sebenarnya, apakah kriteria yang sedang digunakan oleh pihak kementerian untuk menentukan sesebuah keluarga itu miskin atau pun termiskin kerana mengikut kriteria yang sedia ada, apabila ditinjau di peringkat kawasan, banyak orang miskin yang lebih miskin daripada mereka yang diberi bantuan. Jadi, tidak jelas jika kriteria ini telah berubah setiap tahun, kita minta kriteria yang terkini supaya kita boleh melihat dan meninjau secara imperial, dengan izin, di peringkat kawasan dan mengatakan bahawa siapa sebenarnya yang layak dibantu kerana mereka miskin dan betul-betul miskin.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang pelaksanaan program kerana dari segi senarai projek dan jenis projek yang dilaksanakan, memang amat menarik sekali, tetapi di dalam perkara ini, kita lihat bahawa soal pelaksanaan itu amat ketara sekali, iaitu apabila diperiksa di peringkat kawasan, implikasi program-program yang dilaksanakan dan juga skop program yang dilaksanakan itu amat sedikit sekali.

Juga, di dalam soal memberi bantuan kepada rakyat termiskin, soal politik juga timbul. Walaupun di peringkat pusat, barangkali di peringkat EPU, soal garisan politik tidak timbul, tetapi di peringkat kawasan bukan luar biasa untuk dapat berjumpa dengan rakyat biasa yang mengatakan kalau ada borang UMNO, baru boleh dapat borang ASB.

Jadi ini, kalaulah kita mahu mempraktikkan keadilan dan kejujuran haruslah dikikis dari segi framework pembangunan negara supaya benar-benar rakyat yang memerlukan pertolongan dan bantuan kerajaan dapat dibantu, tidak mengira latar belakang agama, latar belakang politik dan latar belakang kepercayaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, saya ingin sentuh di sini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Sudah cukup? Okaylah, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Senai.

5.43 ptg.

Tuan Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh pada persidangan Parlimen kali ini akan menandakan satu titik yang telah lama kita nanti-nantikan. Saya percaya, kebanyakan ahli Dewan yang mulia ini pasti berasa gembira kerana buat pertama kalinya program pembangunan Malaysia akan menunjukkan kelainan dengan memberi penekanan yang sama kepada pembangunan sosial dan ekonomi. Saya berasa amat bangga kerana kita berani menolak kayu pengukur Barat terhadap definisi kekayaan negara yang terdorong kepada faktor-faktor yang boleh menjejaskan keharmonian dan keamanan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin kita yang arif dalam politik telah belajar dari pengalaman pahit negara-negara yang mengamalkan konsep kekayaan negara mengikut definisi Barat. Kini, berbagai masalah yang menimpa negara-negara berkenaan, termasuk pembangunan sosial yang negatif, pegangan perkauman, keruntuhan moral, kadar jenayah yang tinggi, masalah pemuda-pemudi serta berbagai masalah masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang bertuah kerana kaya dengan sumber-sumber semula jadi dan bebas dari mala petaka. Keadaan politik di Malaysia juga agak unik dengan rakyatnya yang terdiri dari berbilang bangsa, agama dan budaya. Selain daripada itu, kita juga mempunyai pucuk pimpinan yang komited untuk terus menyumbang kepada negara. Perkembangan pesat kita ini adalah sumbangan besar Kerajaan Barisan Nasional yang mengamalkan prinsip berbilang kaum berasaskan sikap kompromi dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang terdiri dari rakyat majmuk dan kaya dengan budaya tersendiri, kita juga memberi perhatian dan pertolongan kepada mereka yang kurang bernasib baik. Antaranya, termasuk rakyat Bosnia yang menderita akibat dari keadaan kucar-kacir di negara itu. Kita berazam untuk mempertahankan kejayaan kini dan cuba sedaya upaya untuk mencatatkan prestasi yang lebih mengagumkan bagi pembinaan sebuah negara yang agresif dan maju demi kebaikan generasi muda kita.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh dengan agenda nasional untuk pembangunan dalam negara ini bertujuan memenuhi azam yang kita alu-alukan di atas. Saya berharap agar kejayaan matlamat nasional ini akan tercapai seperti yang diinginkan dengan kebijaksanaan pucuk pimpinan dan gandingan kerjasama rakyat.

Satu anggaran yang dibuat menunjukkan bahawa peningkatan penduduk Malaysia akan mencapai 20 juta pada tahun 1995 dengan kadar purata 12% bagi 5 tahun sebelumnya. Namun demikian, tawaran tenaga kerja sekarang masih tidak dapat menampung permintaan pasaran tempatan yang kian meningkat akibat dari pertumbuhan ekonomi negara yang pesat.

Sememangnya kadar pertumbuhan penduduk negara akibat dari hasil kemasukan orang asing merupakan satu gejala yang tidak sihat dan membimbangkan. Untuk mengatasi masalah kadar kemasukan pekerja asing yang kian meningkat, sekiranya dibandingkan dengan kadar kelahiran penduduk tempatan yang rendah, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat perlu merumuskan satu pelan induk dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Saya ingin mencadangkan kementerian berkenaan membuat kajian tentang sebab-sebab penurunan terhadap tahap kelahiran di kalangan rakyat tempatan. Selain daripada itu, kementerian juga digesa mencadangkan satu

rangka pemulihan untuk menyelidik berbagai masalah berbangkit, termasuk kemandulan bagi wanita dan lemah tenaga batin di kalangan pihak lelaki.

Seperti mana yang dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kaum India di Malaysia pada tahun 2000 hanya merangkumi 7.5% dari penduduk Malaysia keseluruhannya, manakala penduduk asing di Malaysia pada masa itu juga meliputi 7.5% dari penduduk Malaysia keseluruhannya. Jelaslah sekiranya kadar kelahiran kaum India di Malaysia tidak dipertingkatkan, maka penduduk bukan warganegara akan mengatasi bilangan mereka pada masa hadapan kelak.

Perangkaan juga menunjukkan kadar kelahiran kaum Cina akan jatuh ke tahap 26% pada tahun 2000, berbanding 27.3% pada tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kebaikan negara pada jangka panjang, kerajaan patut menggalakkan kadar pertumbuhan penduduk tempatan yang tinggi untuk mengatasi kekurangan tenaga kerja di negara kita.

Sebab-sebab penurunan kelahiran rakyat tempatan perlu dikaji supaya insentif-insentif yang sesuai akan diperkenalkan. Dalam konteks ini, polisi 70 juta penduduk juga perlu diselidik semula supaya keperluan tenaga kerja yang mencukupi terjamin pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kini permintaan untuk tenaga kerja mahir teknikal dan profesional adalah sangat tinggi. Memandangkan negara ini sedang giat beralih ke satu sistem pengeluaran yang berorientasikan modal dengan

penggunaan sistem automasi dan teknologi tinggi, maka peruntukan kewangan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk memperbanyakkan lagi keluaran institusi latihan dan pendidikan tinggi tanpa mengira kaum adalah satu resolusi yang sangat menggalakkan. Selain daripada peningkatan kualiti pekerja, kerajaan boleh meningkatkan peralatan dan jentera yang digunakan di institusi latihan perindustrian dan memperkenalkan kursus dalam bidang teknologi baru sesuai dengan permintaan industri semasa. Perancangan negara seperti yang dicatatkan dalam buku Second Outline Perspective Plan 1991-2000 yang kini dipanggil Dasar Pembangunan Nasional menyatakan bahawa setakat ini dijangka akan terdapat hanya lebih kurang 7,000 ahli sains dan pakar teknologi sepenuh masa di negara kita.

Kadar 400 per sejuta penduduk ini adalah sangat membimbangkan. Bilangan penduduk Malaysia juga dianggarkan bertambah sekurang-kurangnya sehingga 20 juta menjelang tahun 2000. Dalam jangka masa ini, negara memerlukan kira-kira 20,000 ahli sains dan pakar teknologi. Jadi, sekiranya tiada pekerja terlatih yang mencukupi terutamanya golongan yang berkemahiran dalam bidang sains dan teknologi, kos akan meningkat dan produktiviti akan menurun dan kita tidak akan dapat mengeluarkan barang yang kompetitif di pasaran.

Maka, bagi memupuk minat sektor swasta supaya menceburi bidang latihan teknikal dan vokasional dengan lebih gigih lagi, insentif baru atau lama

untuk majikan dan institusi swasta perlu diumumkan kepada orang ramai secara meluas. Antaranya termasuk insentif potongan dua kali untuk latihan, elaun industri, elaun cukai pelaburan, pengecualian cukai ke atas peralatan dan bahan latihan serta skim pembiayaan latihan Majlis Pembangunan Sumber Manusia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam sektor perindustrian, satu data base perindustrian komprehensif yang meliputi semua sub-sektor dalam industri perkilangan adalah sangat diperlukan untuk menjalankan perancangan dan mengawasi pembangunan perindustrian berkenaan dengan rapi. Bagi sektor pembuatan pula, institusi latihan bercorak private sector industry limited training, dengan izin, perlu diperluaskan. Bantuan dana khas dalam bentuk pembelian geran pelancaran (launching grant) adalah juga amat menggalakkan pembangunan sumber manusia dalam sektor ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan atas beberapa aspek yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh terutamanya program-program latihan pekerja, galakan pengambilan pekerja-pekerja wanita, orang cacat dan pekerja-pekerja berpenecen. Adalah diharapkan bahawa Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri mengadakan lebih peruntukan bagi melengkapi kemudahan-kemudahan pekerja-pekerja wanita dan orang cacat supaya mereka dapat bekerja sepenuh masa. Misalnya majikan boleh menubuhkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja, pusat kaunseling,

commercial centre dalam bangunan untuk memudahkan pergerakan orang-orang cacat serta memperkenalkan latihan teknologi kepada pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh akan memberi lebih tumpuan kepada aspek sosial bagi memupuk nilai-nilai positif. Kesedaran agama yang mendalam berteraskan kehidupan dan keruntuhan institusi keluarga. Kes yang sering menjadi tajuk utama berita jenayah seperti rogol, pembunuhan, rompakan, kecurian, buang anak, bohsia, pelacuran dan seumpamanya sering kita dapati terpampang di akhbar dan tersiar di radio serta televisyen. Tenaga belia dan remaja adalah amat berharga dalam proses membangunkan Malaysia sehingga mampu mencapai tahap negara maju menjelang tahun 2020 nanti. Malaysia tidak akan dapat menemui matlamatnya sekiranya golongan belia dan remaja terus terbabit dengan kegiatan yang tidak sihat.

Saya ingin menyeru kerajaan supaya mengadakan kempen secara besar-besaran untuk menyedarkan para ibu bapa supaya memberi lebih kasih sayang dan tumpuan kepada anak-anak mereka kerana punca masalah-masalah sosial adalah sering kali disebabkan oleh kegagalan ibu bapa dalam mendidik anak-anak mereka. Selain daripada itu, korporat-korporat atau NGO boleh mengadakan seminar-seminar tentang penerapan nilai-nilai positif atau kepentingan keluarga dalam pembentukan masyarakat yang disanjung tinggi. Oleh kerana dari rumahlah segala-galanya bermula, pendidikan agama yang

cukup di samping pembentukan peribadi yang mulia adalah tunggak seseorang individu mampu berdikari dan memelihara maruah diri, keluarga dan seterusnya maruah agama, bangsa dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya ke beberapa perkara yang terlibat di kawasan pilihan raya saya. Saya ingin menyentuh masalah yang dihadapi di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai. Bidang perindustrian di kawasan pilihan raya saya di Senai memang sedang pesat dibangunkan. Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat sejumlah lebih kurang 650 ekar tanah industri yang telah diduduki di kawasan saya di Kulai dan Pekan Senai dan didapati kira-kira 4,000 ekar tanah industri ditumpukan di sebelah kiri kanan Lapangan Terbang Senai.

Di Dewan yang mulia ini ingin saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil tindakan bagi mengagihkan kawasan industri tambahan ke kawasan lain. Saya ingin mencadangkan mengagihkan kawasan industri tambahan ini ke tempat seperti Kelapa Sawit dan Senggang kerana di kedua-dua tempat ini masih terdapat tanah yang luas yang boleh dimajukan bagi tujuan ini. Saya membuat cadangan ini disebabkan pencemaran dari kilang seperti habuk dan asap boleh menimbulkan masalah visibility yang akan menjejaskan landing dan take-off, dengan izin, dan seterusnya membahayakan nyawa penumpang-penumpang di Lapangan Terbang Senai ini. Buat masa ini kesesakan jalan telah berlaku di sepanjang jalan ke lapangan terbang pada masa kemuncak dan kira-kira 18,000 kenderaan menggunakan jalan ini setiap hari. Pembangunan

kawasan industri tambahan akan memburukkan lagi kesesakan trafik memandangkan lintasan kedua dari Singapura dan jalan utama dari kawasan Srilam Estet juga bersambung ke jalan lapangan terbang.

Lapangan Terbang Senai akan dipertingkatkan sebagai lapangan terbang antarabangsa dan satu peruntukan sejumlah RM140 juta akan dibelanjakan untuk rancangan ini.

Pembangunan industri secara besar-besaran di sekeliling lapangan terbang adalah tidak selaras lagi dari segi corak guna tanah dan akan menjejaskan imej lapangan terbang yang bertaraf antarabangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, diminta Yang Berhormat gulung.

Tuan Lim Si Cheng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kekalkan kawasan industri yang sedia ada dan yang telah diluluskan dan membenarkan jenis industri bersih sahaja ditempatkan dalam kawasan industri yang sedia ada?

Selain daripada itu, Kementerian Pengangkutan perlu mengambil tindakan untuk menyediakan kawasan yang mencukupi dekat lapangan terbang bagi gudang 'A' kargo sahaja. Memperuntukkan tanah rezab yang mencukupi perlu juga disediakan untuk pembesaran lapangan terbang ini, oleh kerana perlu mengambil kira keperluan Johor Bahru pada tahun 2020.

Pada akhirnya, saya mohon menyokong usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan Usul Rancangan Malaysia Ketujuh pada 6hb. Mei yang lalu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jelebu.

6.02 ptg.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 6hb. yang lalu.

Sesungguhnya apa yang kita lihat bahawa satu kekuatan telah pun disusun dengan begitu rapi oleh cendekiawan dan juga ahli-ahli pemikir yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan juga ekonomis bagi meneruskan dasar kerajaan untuk 5 tahun yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya selaku wakil rakyat daripada kampung yang kurang membangun, rata-ratanya telah melihat bahawa sumbangan jabatan-jabatan kerajaan ke arah membangunkan kawasan-kawasan di pedalaman begitu gigih dan memang bersemangat. Walau bagaimanapun, masih terdapat lagi kelemahan-kelemahan yang harus kita lihat dengan begitu positif supaya dasar-dasar yang telah diatitkan begitu cantik di dalam Dewan yang mulia ini dan juga rancangan-rancangan yang telah diatitkan oleh pihak kerajaan akan dapat diteruskan dengan baik dan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyentuh, yang pertamanya ialah soal kakitangan dan juga penempatan pegawai-pegawai kerajaan, jabatan yang berkenaan haruslah memikirkan bahawa masalah kenaikan pangkat kakitangan yang ketara pada waktu ini kenaikan pangkat begitu tidak diutamakan. Ada yang terdapat Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang pegawai-pegawai kerajaan yang telah menunjukkan prestasi yang begitu baik, tetapi dengan adanya sistem SSB yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan, maka kebanyakan pegawai-pegawai dan kakitangan yang berpotensi yang telah menunjukkan kerja dengan cemerlang tetapi tidak diberikan anugerah berkenaan. Ini menimbulkan satu masalah serba salah dan juga perasaan yang tertekan di kalangan kakitangan kerajaan.

Selaku bekas kakitangan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengetahuilah sistem dan juga cara penilaian yang diberikan kepada kakitangan, kadang-kadang kita selaku ketua jabatan merasakan agak serba salah untuk menilai seorang daripada 10 kakitangan yang telah menunjukkan prestasi yang baik di dalam kerja. Walau bagaimanapun, dengan peratusan (percent) yang telah ditentukan untuk mencapai kadar 'Melintang; Menegak dan Mendatar', maka ada di antara rakan-rakan kakitangan kerajaan yang hampa, yang akhirnya akan menunjukkan satu keadaan dan suasana yang serba salah di antara kakitangan dan juga ketua jabatan. Ini menunjukkan bahawa sistem yang demikian boleh dan harus dikaji semula.

Pada asalnya saya difahamkan JPA akan melaksanakan sistem secara berkelompok, bukan secara individu. Jadi, sebab itulah saya merasakan bahawa Sistem SSB ini masih mempunyai kelemahan-kelemahan dan untuk menjamin kekuatan dan juga peningkatan semangat kakitangan di masa-masa akan datang, ianya harus dan wajar dikaji semula.

Kita tidak mahu melihat ada di antara kakitangan yang telah berkhidmat lebih daripada 10-15 tahun di dalam satu-satu jabatan itu merasakan mereka terpinggir. Mereka telah menunjukkan kerja yang begitu baik, tetapi oleh kerana sebagai dasar manusia biasa mempunyai sikap 'bias' dan juga sikap yang tidak menepati kepada kehendak-kehendak dan ciri yang telah ditentukan, maka orang yang sepatutnya dapat 'Melintang dan Menegak' tidak akan dapat. Pun, lebih jauh daripada itu Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun yang berturut-turut orang yang sama mendapat anugerah berkeñaan. Ini harus dikaji.

Saya juga ingin menyarankan supaya JPA akan melihat penempatan kakitangan di sesuatu jabatan itu haruslah dikaji, menentukan ciri-ciri ataupun menentukan had masa seseorang pegawai itu terutama ketua pentadbir di daerah-daerah haruslah diberikan tempoh yang bersesuaian. Kadang-kadang terdapat seseorang pentadbir dan ketua jabatan itu melebihi 5 tahun berkhidmat di satu-satu kawasan, maka telah menimbulkan satu sikap dan juga perasaan yang tidak mahu membangunkan sesuatu kawasan. Jadi, ini haruslah dikaji dan saya menyerulah supaya JPA akan lebih produktif, menentukan jangka waktu yang

bersesuaian untuk seseorang pegawai kerajaan itu ditempatkan di satu-satu kawasan ataupun jabatan. Ini adalah untuk kita melihatkan supaya kakitangan lebih produktif dan akan lebih agresif di dalam melaksanakan dasar-dasar yang telah diluluskan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya ingin menyentuh tentang pelaksanaan tugas-tugas kakitangan Polis DiRaja Malaysia. Kita mengucapkan syabas dan tahniah di atas dasar kerajaan, baru-baru ini telah menaikkan gaji kepada kakitangan kerajaan dan telah memberi serta mempertimbangkan kebajikan, kemasyarakatan pekerja-pekerja dan kakitangan. Namun, masih lagi terdapat masalah-masalah di kalangan kakitangan Polis DiRaja Malaysia ataupun khususnya kepada anggota trafik, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang kita lihat bahawa keanggotaan Polis Trafik ini begitu jauh daripada kemampuan yang sebenarnya. Kalau kita lihat apa yang disumbangkan oleh kakitangan atau anggota Polis Trafik ini, dalam soal kutipan hasil kepada kerajaan begitu tinggi. namun kemampuan mereka untuk menjalankan tugas begitu rendah an masih boleh dipersoalkan.

Dengan pengeluaran saman-saman dan juga denda-denda mahkamah Polis DiRaja Malaysia telah menunjukkan satu pencapaian yang begitu baik, namun masalah-masalah kebajikan kakitangan masih boleh dipersoalkan. Elaun pernafasan ataupun kesihatan kepada kakitangan ini haruslah dipertimbangkan. Mereka berdiri selama 8 jam di dalam keadaan cuaca

ataupun udara yang tidak begitu menjamin kesihatan, tetapi elain mereka masih tidak dipertimbangkan. Peralatan untuk mereka menjalankan tugas tidak begitu lengkap, kenderaan yang diberikan, yang dibekalkan tidak begitu canggih. Jadi, haruslah kita lihat bahawa dengan kekuatan yang sedia ada keanggotaan Polis Trafik ini haruslah ditambah lagi.

Lebih jauh daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang telah dianugerahkan dengan Pingat Gagah Berani (PGB) kadang-kadang haruslah kita fikirkan bahawa mereka ini perlu diberikan juga elain ataupun ganjaran yang sewajarnya kepada penyandang-penyandang PGB ini. Apa yang kita dapati sekarang terdapat di antara anggota-anggota Polis Trafik yang juga mempunyai pingat yang sedemikian telah tidak dipertimbangkan elain yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Kementerian Pengangkutan, kita mengucapkan syabas dan tahniahlah di atas langkah-langkah yang telah dibuat, yang telah diatur oleh Kementerian Pengangkutan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan. Apa yang kita lihat dan kita dengar baru-baru ini sempena sambutan Aidil Adha, JPJ telah dilanda masalah yang begitu gawat, dengan program balik kampung yang telah diatitkan di antara jabatan dengan syarikat-syarikat bas telah menjejaskan kelicinan pengaliran orang-orang yang hendak pulang ke kampung.

Saya ingin menyarankan apa yang telah dibuat diamalkan selama ini oleh Jabatan Pengangkutan Jalan baik di peringkat ibu pejabat, negeri dan juga daerah, ibu pejabat negeri dan juga cawangan dan juga pejabat kecil, ianya

haruslah dikekalkan. Kita tidak harus mengambil alih tugas untuk mengendalikan, mengatur program balik kampung. Apa yang diamalkan sebelum ini hanya cukup untuk mengawasi perjalanan syarikat-syarikat pengangkutan awam ini dengan memberikan permit sementara seminggu sebelum dan seminggu selepas perayaan haruslah dikekalkan. Tak perlu kita masuk ke dalam program berkenaan secara langsung yang mana kita sendiri, dan JPJ sendiri mengatur program menentukan kenderaan-kenderaan, menjual tiket-tiket bas dan sebagainya. Ini merupakan satu tugas yang berlainan daripada tugas JPJ yang sebenarnya.

Kita mengalu-alukan langkah yang sedemikian. Tetapi dengan kesilapan langkah yang telah dibuat telah menunjukkan dan telah menjejaskan kepada seorang pegawai yang kepada saya telah menjalankan khidmat yang begitu baik di dalam jabatan berkenaan. Penolong Pegawai PRO, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, telah diarahkan bertukar di Sarawak. Ini kononnya pegawai berkenaan telah tersilap langkah untuk mengatur program balik kampung ini secara terus. Ini merupakan satu arahan yang keluar daripada pihak Ibu Pejabat JPJ sendiri. Selaku pegawai, dia terpaksa akur kepada langkah dan juga program berkenaan.

Inilah yang harus saya pesan, Tuan Yang di-Pertua, supaya JPJ tidak lagi mengulang perkara yang sedemikian. Serahkan sahaja kerja-kerja untuk menjual tiket, untuk mengatur bas kepada syarikat-syarikat pengangkutan

yan sedia ada, dan mengerahkan seluruh bas-bas sekolah, bas kilang, bas-bas persiaran dan juga bas ekspres untuk melibatkan diri di dalam program-program berkenaan. JPJ baik di peringkat cawangan, ibu pejabat, negeri dan sebagainya hendaklah menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada, menangkap dan mengeluarkan saman kepada kenderaan-kenderaan, syarikat-syarikat yang engkar kepada arahan dan peraturan JPJ berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin mengucapkan syabas di atas langkah JPJ untuk membentuk satu pusat institut ataupun Pusat Latihan Kakitangan kepada JPJ yang telah diputuskan untuk didirikan di negeri Melaka. Pembinaan Institut Latihan Kakitangan JPJ ini haruslah disegerakan kerana apa yang kita lihat bahawa masalah pendidikan kepada kakitangan masih boleh kita persoalkan. Kebanyakan latihan-latihan yang diberikan kepada kakitangan baru JPJ tidak begitu mencukupi. Masih terdapat lagi sikap ego dan sikap yang tidak faham yang kedapatan di kalangan kakitangan JPJ. Cara ataupun approachnya untuk seseorang kakitangan JPJ itu mengeluarkan saman kepada orang yang kena tuduh ataupun orang yang kena saman masih boleh dipersoalkan. Kadang-kadang perkara-perkara yang tidak berkaitan ditimbulkan. Caranya adalah merupakan senjata untuk kita melaksanakan undang-undang. Kadang-kadang terdapat pegawai-pegawai dan kakitangan yang tidak bersopan menanyakan sesuatu kepada pemandu yang kononnya telah memang bersalah. Tetapi apabila siasatan telah dibuat dan perbincangan

dibuat, akhirnya pemandu berkenaan tidak melakukan kesalahan. Inilah satu contoh yang harus kita kaji semula. Memang kita dapati rata-ratanya kakitangan berkenaan mempunyai sifat dan cara yang baik. Namun ada juga terdapat di kalangan kakitangan yang tidak mempunyai kesopanan yang sejajar dan sealiran dengan agama Islam kita, ataupun orang Melayu kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengulangi ke arah mendapatkan penyelesaian tugas di kalangan kakitangan JPJ. Keanggotaan ini dan anggota penguatkuasaan ini haruslah dibekalkan dengan senjata. Kita telah mendengar baru-baru ini seseorang kakitangan JPJ telah pun dilanggar oleh satu kenderaan dan meninggal. Kita pernah juga mendengar bahawa kakitangan JPJ telah diugut, yang telah diberikan amaran dan sebagainya kerana mereka sentiasa menguatkuasakan undang-undang. Jadi, oleh kerana kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang tertentu, maka anggota kakitangan JPJ ini, anggota penguatkuasaan ini terdedah kepada bahaya dan sebagainya.

Ingin saya sarankan supaya pejabat ataupun jabatan yang berwajib mempertimbangkan supaya permohonan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan, khususnya melalui Kementerian Pengangkutan untuk mendapat dan membekalkan senjata kepada ketua kumpulan penguatkuasaan haruslah dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, ingin saya menyarankan supaya dari segi aspek pendidikan. Saya memang menyedari bahawa kementerian sentiasa mempertimbangkan program-program dan

mempertingkatkan program-program pendidikan di kawasan-kawasan sekolah-sekolah di luar bandar. Namun, sebagaimana penghantaran ataupun submission, dengan izin, program-program di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh masih jelas dan masih terdapat lagi sekolah-sekolah yang kekurangan bilik-bilik darjah. Di kawasan saya di Parlimen Jelevu masih terdapat 12 sekolah rendah yang masih tidak cukup bilik darjah. Masih terdapat 2 sekolah menengah yang tidak cukup bilik darjah, asrama dan sebagainya. Kementerian haruslah mempertimbangkan supaya masalah pendidikan tidak akan menjadi masalah besar di kawasan-kawasan luar bandar. Jauh daripada itu, saya lihat bahawa PIBG telah pun diberi tugas yang tidak munasabah untuk menekankan soal-soal keceriaan sekolah, lebih daripada tugas dan sepatutnya yang harus ditumpukan oleh PIBG dan pengurusan sekolah sendiri. Seharusnya PIBG ini ditekankan dan diminta untuk mengatasi masalah-masalah pendidikan yang berlaku di kalangan anak-anak di sekolah-sekolah berkenaan.

PIBG haruslah diberikan satu panduan yang jelas. Bukan hanya untuk menekankan soal kecantikan dan keceriaan sekolah. Sekiranya kementerian menentukan dasar ini, ianya haruslah memberikan dan memperuntukkan peruntukan yang sesuai untuk sekolah-sekolah tersebut dicantik dan diceriakan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah mendirikan pondok-pondok belajar, melengkapkan bilik-bilik perpustakaan dengan air-condition, melengkapkan sekolah dan kawasan sekolah dengan kolam-kolam sains dan sebagainya, melengkapkan sekolah-sekolah dengan alat-alat bantuan mengajar di pusat sumber dan sebagainya haruslah dipertimbangkan oleh kementerian. Janganlah masalah-masalah tersebut dibebankan kepada PIBG, dan PIBG tak nampak orang lain. Dia nampak wakil rakyat sahaja untuk mendapatkan sumber peruntukan. Haruslah diingat bahawa peruntukan Ahli Parlimen haruslah menekankan kepada soal-soal pembangunan dan juga projek-projek kecil. Kementerian harus bertanggungjawab sekiranya untuk memberikan keceriaan

dan keselamatan di sekolah-sekolah haruslah menyediakan peruntukan yang bersesuaian. Janganlah bebankan kepada Wakil-wakil Rakyat yang sedia ada. Peruntukan RM300,000 tak banyak, Tuan Yang di-Pertua. 45,000 pengundi sampai sebahagian daripada Parlimen Jelebu ini duduk di dalam Parlimen Jempol. Satu DUN duduk dalam daerah Jempol, haruslah dipertimbangkan. Kita ada banyak sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah, sekolah bantuan modal, sekolah Orang Asli, sekolah Cina dan sebagainya. Kita kena fikir. Kalau mereka jemput, kita kena hadir. Bila hadir, mereka minta peruntukan. Satu PIBG minta, 10 yang lain pun hendak sama. Jadi, haruslah dipertimbangkan. Bukanlah kita tidak menyokong. Kita menyokong dan sentiasa menyokong. Tetapi haruslah dipertimbangkan keadaan ini, dan kementerian haruslah bersikap lebih positif. Umpamanya, untuk mendirikan surau-surau, berilah peruntukan sedikit-sebanyak untuk PIBG dan pengurusan sekolah mandiri surau dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat

Tuan Yunus bin Rahmat: Jadi, dengan itu saya menyokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Larut.

6.20 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan[Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap bagi membalas balik ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Perdana Menteri begitu prihatin, ianya menyentuh semua aspek hidup rakyat, politik, pelajaran, ekonomi, sosial,

keselamatan dan lain-lain. Sebagai payung, Perdana Menteri amatlah prihatin akan masalah yang dihadapi oleh rakyat di bawah pimpinannya, tambah pula kita menghadapi Wawasan 2020 dengan penuh azam dan akan mengharapkan kemajuan yang lebih pesat daripada yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu ini memberi faedah yang banyak kepada penduduk Malaysia. Pada hari ini, Malaysia adalah antara teragung di Asia ataupun di dunia atas kebijaksanaan pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri bahkan Malaysia sudah terkenal di seluruh dunia sebagai negara yang begitu maju kerana kestabilan politik dan perkembangan ekonominya. Ramai pelabur asing datang ke Malaysia untuk membuat pelaburan yang besar-besar dalam usaha mencapai faedah keuntungan yang mana kita juga mencapai faedah yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pencapaian negara pada amnya adalah pesat, masih ada kawasan-kawasan yang tertinggal dari segi perindustrian seperti di kawasan saya. Sudah banyak saya perkatakan di Parlimen ini tetapi masih belum ada langkah-langkah positif yang diambil ke arah itu, hanya bisikan-bisikan sahaja yang terdengar. Sekali lagi saya ulang - di Dewan ini - rakyat masih menyokong kerajaan Barisan Nasional, dan masih mengharapkan industri-industri didirikan di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penduduk pergi mencari rezeki di industri-industri yang jauh perjalannya dan mengambil masa yang lama,

meninggalkan kampung halaman bahkan ramai yang meninggalkan mesyuarat UMNO dan lain-lain. Perkara seperti ini tidak perlu dibiarkan dan saya bimbang akar umbi pemerintahan akan luntur sekiranya Yang Berhormat Menteri berkenaan tidak mengambil langkah-langkah yang wajar dengan segera.

Masalah pengangkutan tidak timbul lagi kerana dari bandar tersebut ataupun dari tempat saya kita mempunyai kemudahan-kemudahan lebuhraya umpamanya di Bukit Merah dan di Kemunting. Bekalan-bekalan air dan elektrik sudah ada yang mana diperjuangkan oleh saya dan rakan-rakan lain sejak kita mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, tempat-tempat berpotensi untuk pembangunan-pembangunan juga perlu difikirkan. Sekolah-sekolah vokasional, maktab pertanian perlu juga dibangunkan di kawasan pertanian seperti di Larut. Masih banyak lagi tanah-tanah terbiar dan di sini kalau dimajukan dengan maktab-maktab pertanian mungkin kita boleh mengeluarkan profesional-profesional yang baik untuk memajukan tanah-tanah terbiar.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah menengah masih ada yang belum mempunyai asrama-asrama desa seperti di Sekolah Menengah Redang Panjang yang mana perlu bagi menolong anak-anak kampung untuk mendapat kejayaan dan prestasi lebih baik jika mereka tinggal di asrama-asrama. Keengganan guru-guru untuk tinggal di kampung-kampung juga adalah faktor dan sebab-

sebabnya murid-murid di kampung mundur dan tidak mendapat keputusan yang baik jika dibandingkan dengan murid di bandar atau murid-murid di asrama-asrama penuh. Masalah ini sudah lama timbul dan sudah banyak disedari oleh pihak yang bertanggungjawab tetapi masih membisu dan tiada banyak pelaksanaan dibuat di kawasan-kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memainkan peranan penting dalam masalah luar negara. Dengan prestasi yang cemerlang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri termasuklah peranan yang dimainkan oleh MALBATT di Bosnia Herzegovina, Somalia dan lain-lain negara. Ini adalah menunjukkan ketegasan pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir bagi menjamin keselamatan penduduk--penduduk yang dianiayai oleh kuasa-kuasa besar di dunia. Malaysia juga memainkan peranan penting di Bangsa-bangsa Bersatu supaya Peranchis umpamanya, memberhentikan ujian nuklear di Selatan Pasific yang mana ujian seperti ini tidak perlu kerana ianya bukan sahaja mencemarkan alam sekitar bahkan merbahaya kepada kehidupan rakyat dan menimbulkan derita bukan hanya dari segi kehidupan bahkan menghancurkan ekonomi pelancongan mereka yang selama ini menjadi mata pencarian utama rakyat Haiti.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia juga bertanggungjawab menyusun semula ekonomi anggota-anggota Asia yang mana pelabur-pelabur Malaysia diterima untuk membangunkan semula ekonomi Vietnam dan Kemboja dan

lain-lain negara yang berkehendakkan pertolongan hasil dari pertumbuhan baik ekonomi Malaysia pada masa ini. Semua peluang-peluang ini hendaklah diberi sama rata kepada usahawan-usahawan yang berkebolehan supaya mendapat faedah dari pembangunan di negara luar itu.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pesat memerlukan kepada prosedur yang terkini dan teknologi canggih bagi menjauhkan pencemaran alam sekitar dan sekitar lautan. Kerajaan perlu prihatin dan mengambil langkah-langkah yang wajar dalam masalah penebangan pokok-pokok untuk pembangunan sama ada rumah-rumah ataupun jalanraya-jalanraya. Tanah runtuh di sana sini, runtuhnya Highland Tower berdekatan dengan rumah saya sudah cukup diambil tauladan bahawa keuntungan sahaja bukan menjadi faktor utama dalam hidup manusia sejagat. Kecemerlangan alam sekitar perlu dijaga rapi. Saya menyambut baik langkah kabinet yang tegas atas masalah ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggesa agar bukit-bukit dan gunung-gunung tidak di potong sewenang-wenangnya untuk pembangunan jalanraya dan jika perlu terowong-terowong hendaklah dikorek seperti apa yang dibuat di Switzerland tanpa apa-apa kerosakan pada alam sekitar bahkan menambah keindahan dengan pembangunan terowong-terowong yang menarik perhatian pelancong sepanjang perjalanan kita jika kita pernah melawat negara tersebut atau tinggal di sana. *[Beberapa Ahli Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kontraktor-kontraktor tempatan lebih memahami hakikat ini ditambah pula dengan teknologi canggih yang dibawa masuk ke negara kita. Persoalannya konsultan-konsultan luar negeri memang profesional, tetapi hakikat keadaan realiti bumi yang sebenarnya adalah kita yang lebih profesional. Ketua kampung lebih profesional dengan keadaan bumi. Justeru itu, jangan semata-mata mengharapkan profesional asing sahaja merancang semua pembangunan di negara kita, penyesuaian ilmu yang dicapai di luar negeri hendaklah menepati kehendak-kehendak tempatan (local) dengan izin, bangunan-bangunan pencakar langit, LRT dan lain-lain adalah mercu tanda maju dan makmurnya negara kita. Ini semua telah menjadi impian nyata bukan lagi igauan atau mengigau di siang hari. Walau bagaimanapun, peribadi dan akhlak yang baik juga perlu seimbang dengan pembangunan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan harta tanah, rumah-rumah murah untuk orang ramai perlu dipertambahkan lagi dengan segera. Jangan projek-projek ini dibelakangkan seolah-olah melepaskan batuk di tangga sahaja, oleh sebab ianya tiada membuat keuntungan yang besar. Pemaju-pemaju perlu berperasaan tanggungjawab kepada bangsa dan negara, sekiranya mereka benar-benar ingin hidup bersama di negara yang makmur ini. Kemakmuran dan keuntungan besar tidak akan lahir dan wujud jika sekiranya rakyat tidak memberi sokongan kepada pemerintah yang ada pada hari ini. Kita perlu bersyukur kerana firman Tuhan [*membaca sepotong ayat Al-Quran*].

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Presiden UMNO pada Perhimpunan Agung 1995 dan Perhimpunan baru-baru ini banyak bersandarkan kepada kesyukuran. Sebagai orang Islam dan bukan Islam semuanya perlu bersyukur kepada Allah S.W.T. yang mana melimpahkan kurniaNya kepada negara kita yang begitu aman, makmur dan orang mati di Malaysia kerana makan banyak ataupun kerana kenderaan-kenderaan berlanggar di jalan raya.

Tiap-tiap orang mesti sedar bahawa perkara seperti ini bukan tabii atau menjalar secara automatis. Ini adalah kerana dirancang dan diredai oleh Allah S.W.T. yang mana masih sayang kepada kita. Kepada pemimpin-pemimpin kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Allah S.W.T. sayang kepada pemimpin-pemimpin kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir dan timbalannya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim. *[Beberapa Ahli Dewan Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, tugas tiap-tiap orang adalah banyak. Tugas pegawai swasta dan korporat banyak, tugas kementerian-kementerian pun banyak bagi menghadapi Wawasan 2020. Begitu juga tugas anak-anak muda, ahli-ahli sukan yang menjaga kepentingan negara. Justeru itu, kita perlu memperbanyakkan pemimpin-pemimpin, pelapis-pelapis yang beriman, berilmu dan bertanggungjawab. Pekerja-pekerja dan kumpulan union juga, dengan izin, kesatuan-kesatuan sekerja mestilah juga peka dan bertanggungjawab dalam menghadapi hak-hak dan tuntutan-tuntutan mereka - biarlah bersederhana dan

tidak menekan mana-mana pihak. Kita tidak ada masalah pengangguran yang besar, atau dengan izin, unemployment. Ini amatlah besar maknanya iaitu rahmat dari Allah juga hinggakan kedatangan pekerja asing ini menjadi saluran yang mustahak juga menjadi saluran kekayaan kepada sesetengah agen dan kekayaan yang didapati itu ada yang digunakan untuk menjatuhkan pemimpin-pemimpin kerajaan. Kekayaan dan kesejahteraan hidup yang lumayan itu timbul dari usaha pemimpin-pemimpin yang memakmurkan negara hingga terpaksa pekerja-pekerja asing datang ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cukuplah. Sambung besok - dengan nada yang sama. *[Ketawa]*

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Sambung besok.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

